

POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

**Menilai Tahap Fasiliti Orang Kelainan Upaya(OKU) yang
Disediakan Di Universiti Teknologi Mara Kampus Shah
Alam**

NUR FIZATIN BINTI MOHAMAD RAFI

**Disertasi ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada
syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Teknologi Pengurusan Fasiliti Dengan Kepujian**

**Pengajian Pengurusan Fasiliti
Jabatan Kejuruteraan Awam
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**

MAC 2021

**PENGAJIAN PENGURUSAN FASILITI
JABATAN KEJURUTERAAN AWAM
POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH**

**PENGESAHAN HAK CIPTA
DISERTASI/LAPORAN PROJEK PRASISWAZAH**

Nama Penulis	: NUR FIZATIN BINTI MOHAMAD RAFI
Tajuk Disertasi/Laporan	: Menilai Tahap Fasiliti Orang Kelainan Upaya (OKU) yang Disediakan Di Universiti Teknologi Mara Kampus Shah Alam.
No My Kad	: 960531-03-6028
No Pendaftaran	: 08BFM17F3012

Saya akui bahawa disertasi/laporan ini diklasifikasikan sebagai:

<input type="checkbox"/>	Sulit*	(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)
<input type="checkbox"/>	Terhad*	(Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi di mana kajian ini dijalankan)
<input type="checkbox"/>	Akses Terbuka	Saya bersetuju disertasi/laporan ini diterbitkan secara akses terbuka (text lengkap)

Saya akur bahawa Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah mempunyai hak-hak seperti berikut:

1. Disertasi/Laporan ini merupakan hak milik Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
2. Perpustakaan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah mempunyai hak untuk membuat salinan Disertasi/Laporan ini untuk tujuan penyelidikan sahaja
3. Perpustakaan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah mempunyai hak untuk membuat salinan Disertasi/Laporan ini sebagai bahan akademik pertukaran antara institusi pendidikan

Tandatangan Penulis

Disahkan Oleh:

Nama Penuh Penulis:
**NUR FIZATIN BINTI
MOHAMAD RAFI**
Tarikh: 09/08/2021

Nama Penuh Penyelia:
**Sr Ts. PUAN ROHAIZANA BINTI
RAMLI**
Tarikh: 09/08/2021

CATATAN: * Jika disertasi/laporan ini diklasifikasikan sebagai SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada organisasi berkaitan dengan menyatakan tempoh dan sebab maklumat dalam penulisan ini diklasifikasikan sebagai SULIT atau TERHAD.

PENGAKUAN PENULIS

Saya akui bahawa karya di dalam disertasi ini merupakan hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Nama Pelajar : NUR FIZATIN BINTI MOHAMAD RAFI

Nombor Pendaftaran Pelajar : 08BFM17F3012

Nombor MyKad Pelajar : 960531-03-6028

Tajuk Disertasi : Menilai Tahap Fasiliti Orang Kelainan Upaya (OKU) yang Disediakan Di Universiti Teknologi Mara Kampus Shah Alam.

Program : Ijazah Sarjana Muda Teknologi Pengurusan Fasiliti Dengan Kepujian

Jabatan : Kejuruteraan Awam

Institusi : Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam.

Tandatangan Pelajar :

Tarikh : 09/08/2021

Disahkan oleh:

Nama Penyelia : Sr Ts. PUAN ROHAIZANA BINTI RAMLI

Jabatan : Kejuruteraan Awam

Institusi : Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam.

Tandatangan Penyelia :

Tarikh : 09/08/2021

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T, kerana di atas limpah dan kurniaNya, maka dapatlah saya menyiapkan kajian ini dengan jayanya walaupun menempuhi pelbagai dugaan dan rintangan.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Sr Ts. Puan Rohaizana Binti Ramli, selaku penyelia saya di atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan kajian ini. Segala bantuan dan cadangan beliau telah banyak mengajar saya untuk menjadi seorang pengkaji yang baik.

Selain itu, tidak dilupakan kepada kakitangan BMES Maintenance Service Sdn Bhd yang banyak membantu saya memberikan pendapat dan tunjuk ajar berkaitan dengan tajuk kajian saya semasa menjalani Work Based Learning (WBL) selama setahun di sana. Segala pengalaman yang dilalui pasti tidak dapat dilupakan. Terima kasih juga kepada pihak UiTM Cawangan Kampus Puncak Alam terutama Kompleks Alam Bina Dan Seni Reka di Bahagian Pengurusan Fasiliti kerana telah memberi kerjasama untuk memudahkan proses mengumpul data.

Ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa yang saya hormati, Mohamad Rafi Bin Mustafa dan Che Fatimah Binti Samad yang sentiasa memberi kasih sayang, dorongan, doa, peringatan dan panduan hidup yang amat saya perlukan. Ucapan terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan atas sokongan, bantuan dan doa kalian, sehingga kajian dan pengajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya bersama-sama.

Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan kajian ini. Semoga kajian ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.

ABSTRAK

Sejajar dengan peningkatan jumlah orang kurang upaya (OKU), semakin banyak projek yang berkaitan dengan keperluan pengguna kurang upaya harus dibina. Hanya untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat, tampaknya melupakan tanggungjawab sosial yang harus dipertimbangkan dalam perkembangan apa pun. Kerajaan Malaysia menganggarkan terdapat kira-kira 2.8 juta orang dengan pelbagai bentuk kecacatan. Walau bagaimanapun, hanya 494,074 yang terdaftar di Jabatan Perkhidmatan Kebajikan. Anggaran ini menunjukkan bahawa terdapat banyak orang kurang upaya di negara ini. Banyak masalah timbul mengenai kemudahan orang kurang upaya yang disediakan di Institusi Pendidikan Malaysia. Tujuan utama kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengetahui adakah fasiliti untuk kegunaan orang kelaianan upaya di Universiti Teknologi Mara Kampus Shah Alam mengikut garis panduan yang telah ditetapkan iaitu Akta Orang kelainan Upaya 2008, Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984, Standard Malaysia 1331 dan 1184. Kajian ini telah menggunakan kaedah bercampur iaitu soal-selidik dan temubual. Sebanyak 15 soalan telah diberi melalui emel kepada 50 responden dan Seramai 30 orang responden telah membalas maklum-balas tersebut. Analisis data telah dibuat menggunakan kaedah SPSS. Kesimpulan dari kajian yang dijalankan terdapat fasiliti untuk golongan kelaianan upaya yang disediakan di bangunan kampus UITM Shah Alam walaupun pada tahap minimum namun ia mematuhi undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan.

Kata kunci: Golongan Kelainan Upaya, Fasiliti, Akta OKU 2008

ABSTARCT

In line with the increasing number of people with disabilities (PWDs), more and more projects related to the needs of disabled users should be built. Just to meet the growing demand, it seems to forget the social responsibilities that must be considered in any development. The Malaysian government estimates that there are about 2.8 million people with various disabilities. However, only 494,074 were registered with the Welfare Services Department. These estimates show that there are many people with disabilities in the country. Many problems arise regarding the facilities for the disabled provided at Malaysian Educational Institutions. The main purpose of this study is to find out whether the facilities for the use of people with disabilities at Universiti Teknogi Mara Shah Alam Campus in accordance with the guidelines that have been set, namely the People with Disabilities Act 2008, Uniform Building By-Laws 1984, Malaysian Standards 1331 and 1184. Study this has used a mixed method i.e. questionnaires and interviews. A total of 15 questions were given via email to 50 respondents and a total of 30 respondents responded to the feedback. Data analysis was done using SPSS method. The conclusion from the study conducted is that there are facilities for the disabled provided in the UITM Shah Alam campus building, although at a minimum level, but it complies with the laws and regulations that have been set.

Keywords: People with Disabilities, Facilities, OKU Act 2008

ISI KANDUNGAN

	MUKA SURAT
ABSTRAK	I
ISI KANDUNGAN	III
SENARAI JADUAL	VI
SENARAI RAJAH	VII

BAB 1 : PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Penetapan Konsep Kajian	5
1.2.1 Pernyataan Masalah	5
1.2.2 Persoalan Utama Kajian	7
1.2.3 Matlamat Kajian	7
1.2.4 Sub Persoalan Kajian	8
1.2.5 Objektif Kajian	8
1.3 Skop dan Limitasi Kajian	9
1.4 Kepentingan Kajian	9

BAB 2 : SOROTAN SUSASTERA

2.1 Pengenalan	12
2.2 Kerangka Konseptual Kajian	15
2.2.1 Manusia	16
2.2.2 Tempat	18
2.2.3 Proses	22
2.3 Rumusan Bab	25

BAB 3 : KAJIAN METODOLOGI

3.1 Pengenalan	26
3.2 Falsafah Kajian	28
3.3 Pendekatan Kajian	30
3.4 Reka Bentuk Kajian	32
3.5 Pengumpulan Data	33
3.6 Rumusan Bab	35

BAB 4 : PENGUMPULAN DATA

4.1 Pengenalan	36
4.2 Sample Kajian	37
4.2.1 Rekabentuk Persampelan	37
4.2.1.1 Persampelan Kebarangkalian (Secara Rawak)	39
4.2.1.2 Kaedah Persampelan Bukan Kebarangkalian (Secara Tak Rawak)	40
4.2.2 Saiz Sampel	41
4.3 Instrumen Pengumpulan Data	43
4.4 Ujian Kesahan	47
4.5 Kajian Rintis	48
4.6 Analisis Dokumen	49
4.6.1 Undang-Undang Malaysia Akta 685	49
4.6.2 Malaysia Standard 1184 : 2002 (Ms 1184 : 2002)	50
4.6.3 Malaysia Standard 1331 : 2003 (Ms 1331 : 2003)	51
4.7 Rumusan Bab	52

BAB 5 : ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN

5.1 Pengenalan	53
5.2 Demografik Responden	54
5.2.1 Analisa Responden Bagi Tahun Pengajian	54
5.2.2 Analisa Responden Bagi Program Pengajian	55
5.2.3 Analisa Responden Bagi Jabatan / Fakulti	56
5.2.4 Analisa Responden Bagi Umur	57

5.2.5 Analisa Responden Bagi Jantina	58
5.3 Dapatan Kajian Untuk Objektif Pertama	59
5.4 Dapatan Kajian Objektif Kedua	62
5.5 Dapatan Kajian Objektif Ketiga	67
5.5.1 Analisa Data Bagi Soalan Berstruktur Kajian Soalan Selidik.	67
5.6 Rumusan Bab	70
BAB 6 : KESIMPULAN	
6.1 Pengenalan	71
6.2 Ringkasan Dapatan Bagi Persoalan Kajian	71
6.2.1 Persoalan Kajian Pertama	72
6.2.1.1 Adakah Terdapat Fasiliti Bagi Golongan/ Pelajar OKU Yang Disediakan Dikampus	72
6.2.2 Persoalan Kajian Kedua	73
6.2.2.1 Sejauh Mana Fasiliti Yang Disediakan Itu Mengikut Peraturan (UBBL Dan MS1131 &1184) Yang Ditetapkan?	73
6.2.3 Persoalan Kajian Ketiga	74
6.2.3.1 Bolehkah Pihak Institusi Menyediakan Fasiliti Bagi Golongan OKU Sepertimana Yang Terdapat Dalam Akta OKU 2008?	74
6.3 Implikasi Kajian	75
6.4 Limitasi Kajian	75
6.5 Cadangan Dan Skop Kajian Lanjutan	76
6.6 Kesimpulan	77
RUJUKAN	78

SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 3.1	Tiga Kaedah Pendekatan Kajian	31
Jadual 4.1	Krejcie dan Morgan (1970)	41
Jadual 4.2	soalan – soalan soal selidik	43
Jadual 4.3	skala jawapan	47
Jadual 5.1	Skor Min Untuk Mengetahui Fasiliti Yang Disediakan Bagi Pelajar Golongan OKU Di Kampus.	59
Jadual 5.2	Skor Min Untuk Mengenal Pasti Fasiliti Yang Disediakan Mengikut Garis Panduan Yang Telah Ditetapkan.	62
Jadual 5.3	Menambahbaik Fasiliti Bangunan Supaya Mengikut Akta Yang Telah Ditetapkan Bagi Golongan Orang Kelainan Upaya Untuk Kampus UiTM Puncak Alam	67

SENARAI RAJAH

RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 2.1	Kerangka Konseptual Kajian	15
Rajah 3.1	Kaedah Kajian	31
Rajah 3.2	Rekabentuk Kajian (Maxwell, 2012)	32
Rajah 4.1	(Creswell dan Clark, 2007).	37
Rajah 4.2	Proses Prosedur Persampelan Kebarangkalian	39
Rajah 4.3	Proses Prosedur Persampelan Kebarangkalian dan Proses Prosedur Persampelan Bukan Kebarangkalian	40
Rajah 4.4	Ujian Kebolehpercayaan untuk soalan soal selidik	48
Rajah 4.5	Undang-undang Malaysia Akta 685	49
Rajah 4.6	Malaysia Standard 1184 : 2002 (MS 1184 : 2002)	50
Rajah 4.7	Malaysia Standard 1331 : 2003 (MS 1331 : 2003)	51
Rajah 5.1	Carta Pai Tahun Pengajian	54
Rajah 5.2	Carta Pai Program Pengajian	55
Rajah 5.3	Carta Pai Jabatan / Fakulti	56
Rajah 5.4	Carta Pai Umur	57
Rajah 5.5	Carta Pai Jantina	58

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Pendidikan untuk pelajar kelainan upaya (OKU) telah di bincang pada tahun 1961 pada mana ianya telah dinyatakan tahap pendidikan golongan ini akan tetapi disebabkan masalah penyediaan kemudahan pendidikan pada masa itu tidaklah pada teknologi yang semakin maju seperti pada masa sekarang, dimana setiap pendidikan mempunyai ubah suai atau ubah atur setiap mata Pendidikan untuk menambahbaik struktur Pendidikan yang ada pada sesebuah negara akan setiap insan yang dilahirkan mempunyai pendidikan yang selari peredaran masa kini meskipun untuk golongan kelainan upaya ini sendiri.

Pada pendapat Noraini Mohd Salleh (2000), keadaan dan perkembangan pendidikan bagi kanak-kanak kurang upaya di negara kita adalah bahawa "dahulu mereka disimpan di rumah, dibuang atau diletakkan di gereja, kuil atau di rumah anak yatim. Apabila manusia sudah mula berhati perut, persekolahan diberi dan ini telah dimulakan oleh mubaligh agama tertentu. Dan selepas itu barulah terdapat campu! tangan badan-badan sukarela dan akhir-akhir ini barulah oleh pihak kerajaan pula".

Seterusnya, seorang tokoh pendidikan khas tempatan yang bernama Chua Tee Tee dalam rencana beliau (pendidikan Khas di Malaysia) yang diterbitkan di Jurnal Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 1970, antara lain beliau menyebutkan bahawa pendidikan khas di negara ini boleh dikatakan telah bermula apabila Misi Anglikan mendirikan Rumah dan Sekolah St. Nicholas bagi OKUP di Melaka pada tahun 1926. Ia telah dipindahkan ke Pulau Pinang pada tahun 1931. Pada ketika itu (1970), sekolah berkenaan menjaga seramai 80 orang kanak-kanak kurang upaya penglihatan di peringkat sekolah rendah. Dengan kata lain, sekolah ini merupakan sekolah khas yang pertama di Malaysia bagi kanak-kanak yang memerlukan keperluan khas.

Orang Kurang Upaya (OKU) didefinisikan sebagai mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang dari segi fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan yang boleh menyekat penyertaan penuh dan keberkesanan mereka dalam masyarakat yang termaktub dalam (Akta Orang Kurang Upaya, 2008). Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (2010), dianggarkan bahawa bilangan orang kurang upaya yang terdapat di Malaysia ialah 2.8 juta orang. Namun demikian, bilangan orang kurang upaya yang mendaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat hanya dianggarkan 280 ribu orang iaitu hanya 10% sahaja daripada jumlah yang sepatutnya. OKU begitu sinonim dengan masyarakat di luar dan dalam negara kerana tidak semua manusia mempunyai fizikal dan mental yang sempurna seperti orang normal.

Seperti diketahui tidak semua memiliki kesempurnaan serta fizikal, mental dan kesihatan. Oleh itu, dalam Akta Orang Kurang Upaya 2008 (OKU), kecacatan dapat dikategorikan sebagai kecacatan fizikal, mental, atau intelektual. Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685) (OKU) mendefinisikan orang kurang upaya sebagai "orang kurang upaya fizikal, mental dan intelektual yang menghalangi mereka untuk berpartisipasi sepenuhnya dalam cara normal dalam cara hidup masyarakat" (H.Kamarudin, 2014).

Halangan-halangan ini memberikan akan meningkatkan lagi tahap kesukaran yang dialami oleh golongan OKU. Bagi mengkaji permasalahan berkaitan kemudahan OKU di Institut pengajian tinggi maka perlulah mengenalpasti terlebih dahulu kategori kurang upaya atau kecacatan. Terdapat dua jenis kecacatan iaitu kecatatan fizikal dan kecacatan mental. Dalam kajian ini menumpukan kepada kecacatan fizikal. Kecacatan fizikal menurut Mahir Razali et al. (2014) adalah seperti Ketidaksempurnaan fizikal iaitu kehilangan mana-mana anggota badan seperti kehilangan kaki,ntangan dan sebagainya.Ketidaksempurnaan penglihatan iaitu kehilangan penglihatan, kerosakan retina,kornea, kerosakan saraf penglihatan atau ketiadaan bebola mata.dan ketiadaan kesempurnaan pendengaran dan percakapan iaitu kerosakan gegendang telinga dan ketiadaan kotak suara.

Golongan kelainan upaya selalu di salah erti dan tidak diberikan pendidikan yang sewajarnya, mereka sering dianggap tidak perlu mempunyai pendidikan kerana mereka

tidak mempunyai masa depan dan tidak boleh melakukan pekerjaan dan kegiatan sama seperti orang normal lainnya. Ini menyebabkan kesedaran pada mereka yang tidak mempunyai nilai jati diri dalam membentuk pendidikan yang murni tanpa perlu memilih jagat dalam memberikan pendidikan pada pelajar samada mereka memiliki kesempurnaan fizikal atau sebaliknya. Malah sering dilihat pelajar yang kelainan upaya lebih memiliki kemahiran dan bakat yang luar biasa jika dibandingkan dengan pelajar normal lainnya.

Pihak kerajaan mula memberikan perhatian yang serius terhadap golongan orang kurang upaya ini. Usaha serius ini dapat dilihat melalui pelbagai pengubahsuaian yang berlaku di kampus-kampus utama universiti di Malaysia. Menurut Ameer Sultan et al. (2012), kemajuan sebuah bangsa dapat dilihat daripada betapa hebatnya penyediaan fasiliti pendidikan yang ada pada bangsa tersebut kerana melalui pendidikan karakter sebuah bangsa terbentuk. Kemajuan sesebuah institusi juga dapat dilihat secara fizikal melalui kelengkapan kemudahan yang sempurna. Ia bukan sahaja meningkatkan nama institusi malah lebih penting melancarkan proses pembelajaran pelajar. Perancangan dan reka bentuk kemudahan golongan OKU seharusnya dijadikan antara pertimbangan utama dalam pembangunan kolej kediaman. Oleh itu, satu garis panduan kolej kediaman lestari yang mempunyai pertimbangan khusus bagi kemudahan OKU perlu dikaji bagi menambahbaik kehidupan OKU di institut pengajian tinggi dan meningkatkan kualiti kehidupan mereka.

Tambahan lagi, situasi pelajar OKU di peringkat pengajian tinggi umumnya, kebanyakan pelajar OKU didapati terpaksa berhadapan dengan halangan persekitaran seperti prasarana fizikal yang sangat terhad atau hampir tiada seperti kemudahan ramp dan lif juga laluan khas OKU. Hakikatnya, golongan pelajar OKU juga memerlukan peluang pelajaran sehingga tahap yang tinggi kerana mereka mempunyai akal fikiran seperti manusia normal juga. Namun begitu, apabila mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi, mereka mempunyai halangan persekitaran yang memberi kesukaran kepada mereka untuk bergerak ke tempat yang ingin dituju. Sebagai contoh, prasarana fizikal yang tidak menyediakan laluan untuk mereka yang menggunakan kerusi roda atau wheelchair atau tangga tidak mempunyai railing sekaligus menjadi halangan untuk

mereka bergerak secara bebas. Mereka tidak mampu untuk bergerak kerana terdapat halangan seperti berikut. Oleh itu, pelajar OKU tersebut terpaksa memikirkan laluan lain yang sesuai untuk ke kelas dan sebagainya. Hal ini kerana pelajar OKU juga memerlukan pelajaran seperti pelajar normal yang lain. Apabila mereka mempunyai tugas atau perlu ke tempat yang mereka inginkan, pelajar OKU dianggap beban kerana pelajar lain perlu memberi bantuan kepada mereka seperti menolak kerusi roda untuk mempercepatkan perjalanan mereka khususnya apabila tugas kumpulan. Malah, menurut Hasnah, Tajul, Hanafi, Mokhtar dan Hazwani (2009) pelajar OKU juga perlu berdepan dengan sikap negatif dalam kalangan warga kampus terhadap pelajar OKU yang menganggap mereka adalah beban kepada pelajar lain. Sikap negatif yang sering dihadapi oleh pelajar OKU adalah mereka sering dipandang rendah dan dianggap sebagai suatu bebanan.

Golongan OKU juga memerlukan pelajaran sehingga tahap yang tinggi kerana mereka mempunyai akal fikiran seperti manusia normal juga. Namun begitu, apabila mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi, mereka mempunyai halangan persekitaran yang memberi kesukaran kepada mereka untuk bergerak ke tempat yang ingin dituju. Sebagai contoh, prasarana fizikal seperti tidak menyediakan laluan untuk mereka yang menggunakan kerusi roda atau wheelchair atau tangga tidak mempunyai railing yang diperlukan bagi golongan OKU fizikal. Oleh itu, kebanyakan pelajar OKU di peringkat pengajian tinggi terpaksa memikirkan laluan lain yang sesuai untuk ke kelas dan sebagainya. Selain daripada halangan dalam bentuk prasarana, golongan pelajar OKU di IPT juga perlu berdepan dengan sikap negatif dalam kalangan warga kampus terhadap golongan OKU. Sikap negatif dalam fikiran pelajar adalah suatu sikap yang perlu dikikis seperti memandang rendah terhadap golongan OKU dan menganggap golongan OKU adalah suatu yang membebankan. Hal ini kerana pelajar OKU juga memerlukan pelajaran seperti pelajar normal yang lain. Apabila mereka mempunyai tugas atau perlu ke tempat yang mereka inginkan, pelajar OKU seringkali dianggap memberikan beban kerana pelajar lain perlu memberi bantuan kepada mereka seperti menolak kerusi roda. Malah, adakalanya pelajar OKU terpaksa berebut kemudahan seperti lif dengan pelajar normal yang lain (Noordeyana Tambi & Nur Aqilah Natasha Hazan, 2017).

1.2 Penetapan Konsep Kajian

1.2.1 Pernyataan masalah

Menurut Mohd Reduan Buyung. (2019), peluang melanjutkan pelajaran bagi golongan OKU merupakan satu peluang untuk mereka membina masa hadapan yang lebih cerah melalui pendidikan tinggi. Dalam membangunkan modal insan yang berpengetahuan tinggi dikalangan masyarakat seharusnya tidak meminggirkan golongan OKU. Walaubagaimanapun, pelbagai kemudahan yang disediakan oleh pihak institut pengajian tinggi namun ia tidak memenuhi standard yang telah ditetapkan oleh pihak berwajib. Oleh demikian, kemudahan-kemudahan yang terdapat di institut pengajian tinggi ini hendaklah diselia dan disenggara oleh unit fasiliti dan dipantau oleh pihak pengurusan institut pengajian tinggi.

Walaupun bilangan pelajar OKU masih dalam bilangan yang kecil bagi setiap sesi pengambilan pelajar akan tetapi kesedaran pihak pengurusan pengajian tinggi dalam memastikan fasiliti ini masih berada pada tahap minima dan tidak seperti garis panduan yang ditetapkan oleh pihak berwajib. Kekurangan kemudahan untuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU) adalah antara punca kebanyakan institusi pengajian tinggi (IPT) awam mahupun swasta sukar untuk menerima kemasukan pelajar golongan OKU (Erda Khursyiah Basir,2019).

Menurut Dr Ruzita Mohd Amin (2019), Profesor Ekonomi yang juga Ketua Unit Perkhidmatan OKU (DSU) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), kebimbangan tidak dapat memenuhi keperluan pelajar OKU bagaimanapun tanpa disedari menafikan hak mereka untuk menempatkan diri ke menara gading lebih-lebih lagi di universiti pilihan. “Disebabkan alasan itu, kita seolah-olah tidak memberi peluang yang saksama kepada pelajar OKU. “Jadi untuk mengelak perkara ini berterusan kerajaan baru-baru ini melancarkan Garis Panduan Pelaksanaan Dasar Inklusif OKU di IPT dalam usaha memperbaiki serta menaiktaraf kemudahan dan sistem sokongan di universiti supaya mereka tidak perlu lagi menolak permohonan pelajar OKU untuk melanjutkan pelajaran,”Disamping itu, pihak pengurusan pengajian tinggi hendaklah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memastikan pelajar OKU dapat meneruskan pengajian tinggi mereka di dalam Malaysia.

Oleh demikian, pihak berwajib perlulah menyediakan kemudahan yang sewajarnya untuk pelajar yang memiliki kelainan upaya agar mereka juga dapat menyambung pengajian mereka pada tahap pendidikan yang lebih tinggi dan selari dengan pelajar normal lainnya tanpa perlu menyisihkan hak Pendidikan pelajar kelainan upaya pada pengajian tinggi samaada tahap Pendidikan Tinggi Awam mahupun swasta dalam bidang akademik ataupun kemahiran.

Menurut Akta OKU 2008, individu kurang upaya tidak boleh dikecualikan daripada menerima pendidikan atas alasan ketidakupayaan yang dialami oleh mereka. Selain itu, individu kurang upaya juga tidak boleh dikecualikan daripada menerima pendidikan prasekolah, rendah, menengah, tinggi, latihan vokasional dan pembelajaran sepanjang hayat. Hal ini selaras dengan dasar kesetaraan hak individu terutamanya dalam menyokong penglibatan penuh individu kurang upaya dalam pendidikan. Secara majoritinya, responden berpendapat bahawa golongan OKU layak menerima hak pendidikan yang sama sepertimana orang lain iaitu seramai 184 responden mengatakan sangat bersetuju berkenaan pernyataan tersebut dan diikuti oleh 74 responden mengatakan bersetuju. Kajian peranan integriti dalam sistem sokongan orang kurang upaya fizikal dalam Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga

2014 oleh Norfatihah dan Ferlis (2014) menunjukkan bahawa aspek integriti dalam sistem sokongan OKU-Fizikal mempunyai kaitan yang penting. Sistem sokongan yang dimaksudkan seperti sokongan daripada penjaga atau keluarga, sokongan rakan, sokongan peralatan dan sokongan daripada institusi. Oleh itu, golongan OKU memerlukan sokongan daripada semua pihak. Pengetahuan boleh diperolehi melalui alternatif yang lain seperti kajian lepas iaitu seperti kajian pelaksanaan program Disability Equality Training (DET) dalam memberikan pengetahuan dan kesedaran kepada masyarakat mengenai isu kekurangupayaan oleh Ferlis dan Fariz (2014) dalam Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga 2014.

Pengetahuan dalam penyediaan kemudahan untuk golongan pelajar kelainan upaya (OKU) perlulah dilakukan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan dalam perlembagaan Pendidikan bagi golongan ini yang mana pada tahun 2019 telah

dinyatakan oleh mantan Menteri Pendidikan iaitu Dr Maszlee yang mana tidak penolakan untuk pelajar dari golongan kelainan upaya selain itu beliau juga telah menyelaraskan Pendidikan untuk golongan kelainan upaya agar dapat menjejakkan kaki ke alam pengajian tinggi di tempat-tempat pilihan mereka untuk melanjutkan pengajian mereka pada peringkat yang lebih tinggi. Oleh hal demikian, dalam perlimen juga telah menyatakan “zero- reject policy” bagi pelajar golongan kelainan upaya agar mereka juga dapat mencapai impian dan cita-cita mereka dalam menyambung pengajian pada peringkat yang lebih tinggi dan dapat berdaya saing dengan sihat bersama pelajar normal lain.

1.2.2 Persoalan Utama Kajian

Dalam kajian ini, persoalan kajian telah dinyatakan untuk mencapai objektif yang bertepatan dengan tajuk kajian ini. Satu persoalan telah dikenal pasti iaitu Adakah kemudahan yang disediakan untuk pelajar kelainan upaya telah memenuhi syarat standard piawaian yang ditetapkan.

1.2.3 Matlamat Kajian

Matlamat kajian merupakan pernyataan meluas tentang hasil kajian yang diharapkan atau niat umum pengkaji yang dapat memberi gambaran tentang cadangan kajian pengkaji. Matlamat kajian menyatakan perkara yang dijangka dicapai oleh pengkaji daripada kajian tersebut secara umum. Matlamat utama kajian ini adalah memberi cadangan kepada institusi agar fasiliti yang disediakan kepada pelajar kelainan upaya (OKU) haruslah mengikut piawaian dan standard yang telah ditetapkan oleh undang-undang.

1.2.4 Sub-Persoalan Kajian

Dari permasalahan yang telah dibincangkan, wujud beberapa persoalan sebagai panduan asas kepada keseluruhan pelaksanaan kajian ini. Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan jawapan bagi persoalan kajian seperti berikut:

- i. Adakah terdapat fasiliti bagi golongan/ pelajar OKU yang disediakan dikampus?
- ii. Sejauh mana fasiliti yang disediakan itu mengikut peraturan (UBBL dan MS 1131 & 1184) yang ditetapkan?
- iii. Bolehkah pihak institusi menyediakan fasiliti bagi golongan OKU sepertimana yang terdapat dalam Akta OKU 2008?

1.2.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ialah objektif umum yang perlu dipecah-pecahkan kepada bahagian yang lebih kecil dan merupakan ringkasan hasil yang dapat dicapai oleh pengkaji. Objektif kajian haruslah sistematik untuk menangani persoalan kajian. Matlamat dan objektif kajian harus dibentangkan dengan ringkas dan padat dan keduanya saling berkaitan kerana tujuan adalah matlamat yang ingin dicapai pengkaji. Bagi mencapai matlamat kajian tersebut dan menjawab persoalan kajian, beberapa objektif telah dikenalpasti iaitu:

- i. Untuk mengetahui fasiliti yang disediakan bagi pelajar golongan OKU di kampus.
- ii. Untuk mengenal pasti fasiliti yang disediakan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.
- iii. Menambahbaik fasiliti bangunan supaya mengikut Akta yang telah ditetapkan bagi golongan orang kelainan upaya.

1.3 Skop Dan Limitasi Kajian

Skop kajian pada dasarnya bermaksud semua perkara yang akan diliputi dalam projek kajian. Ini menentukan dengan jelas sejauh mana kandungan yang akan diliputi oleh kaedah kajian untuk membuat kesimpulan yang lebih logik dan memberikan jawapan yang meyakinkan dan memuaskan untuk kajian (Admin, 2014). Kajian ini dilakukan untuk menilai tahap fasiliti orang kelainan upaya (OKU) di Universiti Teknologi Mara Kampus Shah Alam. Kajian ini saya hanya jalankan di dalam UiTM Kampus Puncak Alam iaitu :

- i. Kompleks Alam Bina,
- ii. Kompleks At-tijarah

1.4 Kepentingan Kajian

Berdasarkan kajian yang dilakukan, pengurusan kemudahan untuk pelajar kurang upaya di institusi pengajian tinggi sangat penting kerana ianya untuk memastikan kemudahan yang disediakan diurus dengan baik dan dijaga oleh pihak yang terlibat dalam memastikan fasiliti untuk golongan OKU dapat disenggara dengan baik. Di samping itu, kajian yang berkaitan dengan pengurusan kemudahan untuk pelajar kurang upaya di institusi pengajian tinggi sangat penting dalam memastikan pengurusan kemudahan untuk menentukan struktur bangunan dan kemudahan yang sesuai untuk pelajar kurang upaya dan proses penyelenggaraan yang betul dan selamat untuk pelajar kurang upaya dapat menggunakan kemudahan yang disediakan oleh pihak pendidikan dan pihak pengurusan pengajian di sesebuah institute pengajian tinggi mengikut garis panduan yang telah di standardkan untuk kegunaan pelajar dengan selesa dan seragam dengan pelajar normal yang lain.

Oleh demikian, penyelidikan yang dijalankan juga dapat membantu pengurusan fasiliti institut pengajian tinggi dalam menyenggara fasiliti untuk pelajar-pelajar ini dengan lebih baik dan juga pihak yang terlibat dalam pengurusan institut juga lebih peka terhadap pergerakan dan keselesaan pelajar kurang upaya untuk kegunaan dalam pelajaran serta aktiviti harian. Lebih memudahkan jika struktur dan fasiliti yang telah disediakan untuk

pelajar mengikuti Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UBBL) yang ditetapkan oleh UBBL untuk OKU 2008.

Seperti diketahui tidak semua memiliki kesempurnaan serta fizikal, mental dan kesihatan. Oleh itu, dalam Akta Orang Kurang Upaya 2008 (OKU), kecacatan dapat dikategorikan sebagai kecacatan fizikal, mental, atau intelektual. Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685) (OKU) mendefinisikan orang kurang upaya sebagai "orang kurang upaya fizikal, mental dan intelektual yang menghalangi mereka untuk berpartisipasi sepenuhnya dalam cara normal dalam cara hidup masyarakat" (H.Kamarudin, 2014).

Selain itu, dapat memberi peluang kepada pelajar golongan kelainan upaya (OKU) untuk menyambung pelajaran di Institut-institut pengajian tinggi pilihan mereka samada dari segi intelektual, akademik, kemahiran mahupun teknologi. Dimana mereka yang tidak mempunyai peluang dalam bidang yang mereka minat dapat mengembang bakat yang dimiliki dari segi teknikal ataupun teknologi seperti mana yang diketahui ramai juga golongan ini yang mempunyai kemahiran dan bakat yang sangat istimewa seperti melukis, menjahit, bertukang dan sebagainya. Dengan ini apabila kemudahan untuk golongan pelajar OKU disediakan mengikut kemudahan dan selesa mereka membolehkan mereka menyambung pendidikan mereka pada tahap yang lebih tinggi dan lebih memberikan mereka inspirasi dalam meneruskan minat dan bakat mereka seiring dengan pendidikan yang mereka perolehi.

Kepentingan pendidikan bukan sahaja pada mereka yang mempunyai kesempurnaan fizikal tetapi juga untuk mereka dalam golongan kelainan upaya agar pendidikan mereka sejajar dengan pelajar-pelajar normal lainnya tanpa golongan OKU ini merasa rendah dan tersisih tidak dari segi fizikal mahupun segi pendidikan yang dapat mereka pelajari dengan mudah, selesa dan aman. Dimana setiap orang memiliki penjuangan cita-cita yang berbeza dan nilai pendidikan yang selari dunia yang bergerak pantas sealiran pantasnyanya kemajuan teknologi dunia.

Hasil kajian juga mendapati bahawa tahap pengetahuan mahasiswa berkenaan OKU lebih tinggi berbanding sikap yang ditonjolkan oleh responden terhadap golongan OKU. Umumnya pengetahuan mahasiswa mempunyai hubungan dengan sikap mereka terhadap OKU. Pengetahuan tentang golongan OKU adalah penting bagi meningkatkan

kefahaman mereka tentang OKU. Selain itu, sikap mahasiswa juga bergantung kepada pengetahuan mereka tentang OKU dan juga keadaan persekitaran kehidupan mereka. Jika hanya mempunyai pengetahuan yang tinggi tentang golongan OKU, namun keadaan sekeliling yang mempengaruhi mahasiswa adalah negatif, mereka juga mungkin tidak akan menunjukkan sikap yang positif kepada golongan OKU (Lokman Bin Tahir & Nurul Qistin Bt Mustafa, 2017).

BAB 2

SOROTAN SUSASTERA

2.1 Pengenalan

Pada masa kini, Pengurusan Fasiliti (Facility Management, FM) telah merangkumi pengurusan harta tanah, kesihatan dan keselamatan, pengurusan kontrak, pengurusan sumber manusia, bangunan dan penyelenggaraan, perkhidmatan domestik dan bekalan utiliti (Kamaruzzaman dan Nawawi, 2009). Selain daripada itu, Alexander (2003) juga menyifatkan bahawa amalan FM dilihat sebagai fungsi strategik dan membawa peningkatan yang positif dan kejayaan organisasi. Menurut Chotipaninch (2004), perkhidmatan FM diyakini sebagai sumber kejayaan kepada sebuah organisasi dan boleh juga berlaku sebaliknya jika tidak dikoordinasi dengan betul. Walaubagaimanapun, dalam konteks Malaysia, amalan FM secara khusus mahupun meluas adalah masih baru (Maizan et al, 2008).

FM ditakrifkan sebagai, satu proses yang mengintegrasikan pengurusan manusia dan proses perniagaan sesebuah organisasi dengan infrastruktur fizikal dalam rangka menggalakkan prestasi organisasi ke arah 2 yang lebih baik dan mencapai matlamat yang telah ditetapkan (International Facility Management Association, 2010). Bagi memberi perkhidmatan yang baik di dalam penyelenggaraan bangunanbangunan maka pihak pengurusan bangunan yang di dalam hal ini diketuai sebagai pengurus fasiliti mestilah seorang yang tahu peranannya dan kompeten (Hilmi Bin Abdul Razak, 2014). Ini akan mengakibatkan, pengurus fasiliti yang tidak kompeten menjalankan pengurusan fasiliti berdasarkan kepada kaedah cuba jaya. Keadaan ini akan memberi kesan yang negatif ataupun risiko terhadap keputusan yang akan dibuat berkenaan kewangan, kerja-kerja berkaitan tender dan kontrak perkhidmatan dengan pemberi perkhidmatan (Norma Kassim, 2001).

Dalam dunia yang serba canggih ini, kita masih lagi berkongsi kehidupan kita bersama orang kelainan upaya (OKU) di mana kita tidak dapat lari daripada berinteraksi bersama golongan ini sama ada secara langsung atau secara tidak langsung. Namun masih lagi terdapat golongan yang memandang rendah serta memberi layanan yang buruk kepada golongan OKU ini seolah-olah golongan OKU ini tidak layak diberi layanan yang baik dan saksama. Layanan buruk yang mereka terima boleh menyebabkan emosi mereka terganggu dan akan memberi impak yang negatif kepada mereka. Dalam National Assistance Act, 1948 di Britain, OKU didefinisikan sebagai manusia yang tidak berupaya seperti orang buta, pekak atau bisu, atau mana-mana orang yang secara kekal atau sementara menjadi tidak upaya disebabkan oleh kesakitan, kecederaan atau ketidakupayaan yang berlaku kerana kecacatan yang ada sejak seseorang itu lahir lagi atau mana-mana ketidakupayaan yang dinyatakan oleh menteri.


Walaupun golongan OKU dilihat sebagai kelompok minoriti di Malaysia, namun golongan ini juga sewajarnya mendapat peluang yang sama seperti individu normal lain dari segala aspek. Ini kerana golongan OKU adalah sebahagian daripada masyarakat, sehubungan itu mereka mempunyai hak kesaksamaan dan peluang untuk menjalani kehidupan seperti anggota masyarakat yang lain. Hal ini demikian kerana semua individu tanpa mengira keupayaan dan ketidakupayaan mereka, jantina, sosial, ekonomi, kebudayaan, latar belakang etnik atau agama mempunyai hak yang sama rata untuk mendapatkan kualiti kehidupan yang baik Hazlin Falina et.al (2015). Salah satu medium ke arah mendapatkan kualiti kehidupan yang baik adalah melalui pendidikan. Justeru, perkembangan OKU harus diambil berat dan diberi perhatian yang sewajarnya terutamanya di peringkat sekolah rendah sehingga ke peringkat yang lebih tinggi. Ini adalah penting bagi membantu golongan pelajar OKU ini mendapat pekerjaan apabila sudah tamat belajar.

Pada masa kini, terdapat pelbagai kejayaan yang dikecapi oleh golongan OKU dalam bidang pendidikan sama seperti pelajar normal lain. Kejayaan itu membuka laluan kepada golongan ini untuk mengikuti pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Namun demikian, apabila melangkah ke peringkat pengajian yang lebih tinggi, fasiliti untuk golongan OKU ini sangat penting untuk dititik beratkan bagi membolehkan

mereka berada dalam persekitaran yang mesra OKU seterusnya membantu mereka untuk belajar dalam keadaan yang selesa. Persekitaran kampus harus sesuai bagi memudahkan warga OKU bergerak secara bebas tanpa bantuan. Dengan cara ini golongan OKU boleh berdikari dan menikmati kemudahan seperti warga kampus yang lain. Persekitaran yang hendak disediakan seharusnya menepati garis panduan yang telah ditetapkan oleh Standards & Industrial Research Institute of Malaysia (SIRIM) serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Samsuri, 2012). Ini kerana keselamatan dan kemudahan merupakan satu keutamaan dalam pengurusan kebajikan pelajar di pusat pengajian tinggi Malaysia. Menyedari akan hal ini, maka telah wujudnya permintaan untuk penyediaan fasiliti OKU di dalam dan di luar bangunan akibat kerana pertambahan golongan OKU terutamanya di institusi kerajaan supaya golongan ini dapat menjalani kehidupan seperti orang yang normal (Sanmargaraja & Ta Wee, 2011).

Pengambilan pelajar OKU di IPT merupakan cabaran kepada institusi dan pelajar. Kedua-dua pihak memerlukan sinergi yang kuat dalam memastikan proses pembelajaran dan pengajaran berjalan lancar. Dari sudut pandangan pelajar, akses fizikal kepada bangunan merupakan cabaran utama dalam proses pembelajaran. Namun, terdapat juga isu- isu akses yang lebih luas membabitkan kurikulum, pengajaran, pembelajaran dan penilaian kepada pelajar OKU. Faktor- faktor ini memerlukan inisiatif-inisiatif yang perlu dititik beratkan oleh institusi bertujuan meluaskan akses pengajian tinggi, walaupun pelajar OKU merupakan golongan minority di IPT. Bertepatan itu, setiap IPT perlulah mempunyai sistem dimana ia dapat menyediakan akses dan kemudahan yang mesra OKU dan selamat digunakan bukan sahaja untuk golongan pelajar tipikal tetapi juga golongan pelajar OKU. Seperti kajian yang telah dilakukan oleh Zaharah et.al, (2003) menemuia bahawa OKU mempunyai kemahiran-kemahiran tertentu yang kadang kalanya setanding dengan orang normal, namun begitu terdapat beberapa kekangan yang mana akhirnya menyebabkan OKU ini ketinggalan dan diketepikan. Bagi pelajar OKU, hal ini akan menyumbang kepada rendahnya semangat untuk belajar dan akhirnya mendapat keputusan yang rendah dalam pengajian.

2.2 Kerangka Konseptual Kajian.



Rajah 2.1: Kerangka Konseptual Kajian

2.2.1 Manusia

Tambahan lagi, situasi pelajar OKU di peringkat pengajian tinggi umumnya, kebanyakan pelajar OKU didapati terpaksa berhadapan dengan halangan persekitaran seperti prasarana fizikal yang sangat terhad atau hampir tiada seperti kemudahan *ramp* dan lif juga laluan khas OKU. Malah menurut Hasnah, Tajul, Hanafi, Mokhtar dan Hazwani (2009) pelajar OKU juga perlu berdepan dengan sikap negatif dalam kalangan warga kampus terhadap pelajar OKU yang menganggap mereka adalah beban kepada pelajar lain. Sikap negatif yang sering dihadapi oleh pelajar OKU adalah mereka sering dipandang rendah dan dianggap sebagai suatu bebanan. (Noordeyana Tambi & Nur Aqilah Natasha Hazan . 2017). Dimana dapat dilihat sikap yang ditonjolkan sesetengah golongan terhadap pelajar oku sangat tidak baik yang mana mereka sering memandang rendah terhadap golongan pelajar OKU yang mana mereka berasa kalangan pelajar OKU seakan memberi kesusahan pada pergerakan mereka dengan keadaan pelajar OKU yang terbatas.

Masyarakat normal biasanya tidak dapat memahami kehidupan orang pekak kerana ilmu dan pancaindera manusia adalah terhad. Oleh kerana itu, sesetengah daripada OKU ini akan berasa malu dan terpinggir disebabkan kekurangan yang mereka alami. Ini menyebabkan mereka hilang atau kurang keyakinan apabila berhadapan dengan masyarakat. Tambahan pula dengan sikap negatif segelintir pihak yang memandang rendah kekurangan mereka dengan memberikan penderaan sama ada dari segi fizikal mahupun mental akan menyebabkan mereka disisihkan daripada komuniti masyarakat, lebih-lebih lagi OKU daripada kalangan kanak-kanak. Ini jelas memberi kesan kepada perkembangan minda dan jati diri mereka. Sikap sebegini harus ditegah bagi mengelakkan pengelasan taraf kehidupan dan sistem kasta dalam masyarakat. (Hazlin Falina, 2017).

Kajian lepas menyatakan bahawa sikap prejudis yang sukar dikikis mengenai OKU dapat dilihat dalam bentuk sikap dan tingkah laku negatif seperti layanan yang tidak mesra terhadap mereka seperti dalam konteks sosial, pendidikan dan vokasional (Rao, 2004). Sikap prejudis yang diamalkan oleh masyarakat sukar dikikis kerana mereka tidak mengalami perkara yang dialami oleh golongan OKU. Masyarakat tidak memahami

perkara dan keadaan yang berlaku kepada golongan OKU lalu menunjukkan sikap dan tingkah laku yang negatif terhadap golongan OKU. Masyarakat yang tidak bertanggungjawab dan tidak mempunyai nilai-nilai murni akan memberi layanan yang tidak mesra terhadap golongan OKU.

Dari segi konteks sosial, masyarakat mudah untuk meminggirkan golongan OKU dan memberi sikap yang tidak prihatin seperti tidak memberikan tempat duduk kepada golongan OKU dalam pengangkutan awam. Manakala, dari aspek pendidikan pula, tidak ramai guru dan ibu bapa yang mempunyai kemahiran dalam memberikan bimbingan pendidikan yang sewajarnya kepada golongan OKU yang akhirnya pelajar OKU tidak mendapat manfaat sepenuhnya ketika menuntut ilmu. Seterusnya, dari segi kemahiran vokasional pula, golongan pelajar OKU kebanyakannya mempunyai pilihan yang sangat terhad disebabkan pilihan-pilihan yang ada hanya bersifat asas dan terhad sahaja agar tidak terlalu membebani kekurangan fizikal mahupun mental pelajar OKU. Antara contoh latihan dan kemahiran vokasional yang disediakan oleh pihak kerajaan adalah kemahiran menjahit, bertukang dan membuat kuih-muih. Hal ini sekaligus menyebabkan golongan OKU tidak dapat menyerlahkan kemampuan diri mereka yang sebenarnya jauh lebih baik daripada pelajar normal. (Noordeyana Tambi & Nur Aqilah Natasha Hazan, 2017)

Kebiasaanya yang boleh dilihat kebanyakkan masyarakat memandang rendah kepada golongan OKU yang mana mereka berfikirannya yang mereka lebih baik daripada golongan OKU yang mana masyarakat normal lainnya tidak perlu menyusahkan dan membebani malah mereka merasa mereka bebas melakukan apa sahaja menyebabkan sikap dan tingkah laku mereka terhadap golongan OKU dilakukan dengan tidak bertanggungjawab dan tidak memberikan contoh yang baik dan tidak mementingkan keselamatan dan kegunaan bagi golongan OKU sendiri.

Sikap dan tingkah laku pelajar yang kebiasaanya adalah dimana kegunaan untuk golongan OKU digunakan untuk kepentingan dan kemudahan mereka dimana mereka menggunakan kemudahan fasiliti untuk pelajar OKU seperti prasarana bagi OKU contohnya tempat letak kereta, tandas, laluan kecemasan, laluan bagi OKU segi penglihatan dan berkerusi roda. Sepertimana yang diketahui kebanyakkan masyarakat selalu menggunakan kawasan meletak kereta bagi golongan OKU untuk kegunaan

mereka hingga menyusahkan golongan OKU kerana sikap tidak bertanggungjawab sesetengah pihak dan menyebabkan golongan OKU sukar untuk melakukan aktiviti harian dengan sikap pelajar yang lebih pentingkan kesenangan diri sendiri yang menyebabkan Kawasan untuk pelajar OKU dijadikan hak letak kereta peribadi dengan memikirkan kemudahan diri dan menyusahkan orang lain.

Kajian ini mencadangkan semua majikan menyediakan kemudahan asas kepada pekerja OKU, guru bimbingan dan kerjaya, memberi latihan motivasi kepada pelajar OKU sebelum mereka tamat belajar supaya mereka lebih bermotivasi, berdikari dan berkeyakinan dalam menentukan kerjaya mereka dan memberi pendedahan kepada keluarga yang mempunyai anak kurang upaya agar mempunyai pemikiran positif dalam membimbing anak-anak mereka untuk masa depan yang lebih baik. Oleh kerana itu, sesetengah daripada OKU ini akan berasa malu dan terpinggir disebabkan kekurangan yang mereka alami. Ini menyebabkan mereka hilang atau kurang keyakinan apabila berhadapan dengan masyarakat. Tambahan pula dengan sikap negatif segelintir pihak yang memandang rendah kekurangan mereka dengan memberikan penderaan sama ada dari segi fizikal mahupun mental akan menyebabkan mereka disisihkan daripada komuniti masyarakat, lebih-lebih lagi OKU daripada kalangan kanak-kanak dan remaja yang memerlukan pendidikan. (Hazlin Falina Rosli, Wan Amizah Wan Mahmud & Maizatul Haizan Mahbob, 2017).

2.2.2 Tempat

Kini, komuniti OKU di Malaysia berpeluang mendapat pendidikan di peringkat sekolah rendah, menengah dan universiti. Sekolah Rendah Alma (St. Nicholas) di Negeri Pulau Pinang dan Sekolah Puteri Elizabeth di Johor Bahru merupakan dua buah sekolah rendah yang paling awal menyediakan kemudahan pendidikan bagi kanak-kanak kurang upaya penglihatan, iaitu masing-masing dalam tahun 1926 dan 1949. Pendidikan bagi golongan minoriti yang berkeperluan khas telah berkembang dengan pesat di negara kita, khususnya selepas tahun 1962. Sehingga tahun 2000, JPK melaporkan bahawa ketika ini terdapat 31 buah sekolah pendidikan khas di seluruh negara. Tiga daripadanya ialah sekolah menengah iaitu dua buah sekolah pendidikan khas bagi pelajar bermasalah

pendengaran dan sebuah lagi bagi mereka yang bermasalah penglihatan, Di samping itu, sekolah rendah pendidikan khas (SRPK) bagi golongan kurang upaya penglihatan adalah sebanyak lima buah, manakala sekolah rendah pendidikan khas bagi pelajar bermasalah pendengaran pula adalah sebanyak dua puluh tiga buah. (WONG HUEY SIEW DAN SANDIYAO SEBESTIAN, 2002)

Menurut akta perancangan bandar dan desa (Akta 172), kemudahan ialah apa-apa kualiti atau keadaan sesuatu tempat atau kawasan yang turut menyebabkan kawasan itu menjadi seronok, harmoni dan dapat dinikmati dengan lebih baik termasuklah kawasan lapang, taman, taman rekreasi dan tempat permainan. Pengertian ini lebih jelas menerangkan bahawa kemudahan mampu menyenangkan manusia dan sebarang kerja menjadi sempurna. Dalam kajian ini, istilah kemudahan turut digunakan untuk menggantikan fasiliti. Pendidikan Khas merupakan pendidikan untuk golongan yang tidak berupaya menentukan sendiri dalam memperolehi sepenuhnya atau sebahagian disebabkan kekurangan, samada ia berlaku semenjak lahir atau kemudian hari. Golongan khas ini juga dikenali sebagai golongan orang kurang upaya (OKU). Rata-rata masyarakat menganggap golongan OKU ini adalah terdiri daripada mereka yang cacat fizikal dan mental sahaja, sedangkan definisinya adalah lebih luas jika dilihat dari pelbagai aspek.

Pendidikan bukan sahaja untuk tempat menimba ilmu tetapi jua tempat mencari hala tuju bagi seseorang individu sama ada normal atau kekurangan fizikal mahupun deria serta mental, setiap orang memiliki peluang dalam mendapatkan yang terbaik dalam diri mereka termasuk golongan pelajar OKU yang mana mereka juga berhak mendapatkan tempat yang kondusif serta selesa dalam menuntut ilmu. Golongan oku juga berhak mendapat ruang belajar yang selesa dan kemudahan yang kondusif bagi kegunaan keseharian mereka melakukan aktiviti harian di sekolah dan di institutsi pengajian tinggi (ipt). Setiap pelajar perlu mendapatkan keselesaan dalam mencari ilmu tidak kira pelajar normal mahupun OKU kerana setiap pelajar berhak berada dalam suasana yang selesa, aman dan selamat semasa dan sewaktu mendapatkan ilmu dan pendidikan bukan sahaja untuk golongan pelajar yang normal lainnya malah untuk pelajar golongan OKU juga berhak

mendapatkan keselesaan yang sama seperti pelajar normal lain terutama bagi pelajar golongan OKU di IPT.

Baru-baru ini, Hasnah (2010) dalam kajiannya menyatakan, sikap negatif terhadap OKU dikenal pasti sebagai suatu halangan kepada mereka untuk mengambil bahagian secara penuh dalam masyarakat. Manakala satu kajian yang dijalankan oleh Hasnah et.al (2009) mengenai halangan dan sokongan yang dialami oleh pelajar-pelajar OKU di sebuah IPTA tempatan melaporkan walaupun terdapat rakan rapat yang banyak membantu mereka dari segi pengangkutan dan pembelajaran, namun dari kalangan rakan-rakan sekuliah dari fakulti yang berlainan kerjasama kurang diberikan terutama semasa proses pembelajaran. Daripada dapatan kajian ini, jelas menunjukkan pelajar OKU perlu bergantung harap dengan bantuan rakan-rakan dan kurang berdikari sendiri. Tambahan pula, kurangnya sikap keprihatinan dan tanggungjawab dalam kalangan masyarakat terhadap golongan OKU. Kurangnya pendedahan maklumat tentang golongan OKU juga turut menyebabkan masyarakat tidak mengambil peduli tentang nasib yang ditempuhi oleh golongan OKU dan menganggap ianya bukanlah satu tanggungjawab yang harus dipikul bersama. (Hazlin Falina Rosli, Safura Ahmad Sabri, 2017).

Higher Education Funding Council of England (HEFCE) kini menyediakan dana-dana tersebut untuk membantu institusi-institusi pengajian tinggi di England dalam usaha mereka menyediakan perkhidmatan untuk pelajar-pelajarkurang upaya di IPT. Antara perkhidmatan yang disediakan adalah menaksir keperluan pelajar kurang upaya, menyediakan perkhidmatan, perkhidmatan mengikut penaksiran yang dijalankan, memantau penyediaan perkhidmatan-perkhidmatan tersebut, melatih kakitangan mengenai hak-hak dan keperluan pelajar-pelajar kurang upaya, serta memantau impak dan keberkesanan polisi dan perkhidmatan yang disediakan untuk pelajar kurang upaya. Kekurangupayaan fizikal dan penglihatan melaporkan bahawa prasarana fizikal di IPTA ini kurang mesra OKU dan menjadi penghalang dalam aktiviti seharian mereka sebagai pelajar. Antara kekurangan yang dilaporkan oleh mereka termasuklah ketiadaan laluan atau ramp untuk kerusi roda, laluan bertanda untuk golongan bermasalah penglihatan, papan tanda khas, tangga yang tidak mempunyai railing, tempat melintas khas bagi OKU, ketiadaan lif di setengah bangunan, lif yang sering rosak dan tandas yang tidak mesra

OKU. (Hasnah Toran, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Tahar, Norasuzaini Sujak)

Setiap orang dan golongan memerlukan tempat yang selesa untuk mendapatkan sesuatu dan mencari kedamaian begitu juga untuk menimba ilmu setiap orang perlu ada keselesaan dalam menimba ilmu di tempat pendidikan yang telah disediakan oleh kementerian baik untuk pelajar normal mahupun begitu untuk pelajar OKU. Setiap pelajar mempunyai hak dalam untuk menentukan tempat dan matlamat pendidikan masa depan setiap pelajar disebabkan itu sesetengah pihak perlulah adil dan saksama dalam menyediakan tempat belajar bagi semua golongan pelajar agar setiap pelajar dapat kemudahan dan ruang belajar yang saksama dalam keselesaan dan keselamatan serta damai dalam menuntut ilmu pelajaran tanpa mengira kekurangan fizikal, intelektual dan mental seseorang pelajar yang mana kemudahan tempat belajar sangat penting dalam menentukan keselesaan seseorang pelajar begitu dengan pelajar OKU.

Sebagai pelajar-pelajar di pusat pengajian tinggi, kemudahan mengakses maklumat adalah amat penting bagi menjamin kejayaan akademik mereka. Kesemua responden yang mempunyai kekurangupayaan fizikal menyatakan bahawa mereka menghadapi kesukaran mendapatkan buku di perpustakaan utama IPTA ini disebabkan mereka kurang mampu untuk mengambil bukubuku yang terletak di rak-rak yang tinggi dan juga sukar bagi mereka untuk membawa buku-buku yang diperlukan. Menyatakan bahawa perkhidmatan pustakawan masih kurang memuaskan kerana terdapat segelintir pustakawan yang kurang berpengetahuan mengenai keperluan golongan OKU dan kurang mesra OKU. (Hasnah Toran, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Tahar, Norasuzaini Sujak).

Ramai pelajar OKU yang menghadapi kesukaran untuk belajar semasa proses pembelajaran. Ketiadaan kemudahan pembelajaran mesra OKU seperti braissel menyebabkan pelajar OKU sukar untuk membaca dan memahami sesuatu teks atau bacaan mata pelajaran yang dipelajari, perakam audio, aksesibiliti talkback di laptop dan telefon pintar menyebabkan kesukaran golongan OKU untuk mendapatkan info maklumat dengan lebih jelas. Kajian gabungan metodologi oleh Tinklin, Riddel dan Wilson (2004) di Scotland dan England menemui kebanyakan IPT telah menyediakan

fasiliti, polisi dan kemudahan untuk golongan OKU, namun untuk memperbaiki akses pembelajaran memerlukan perubahan budaya dalam kerangka pendidikan membabitkan penambahbaikan sistem pembelajaran secara keseluruhan. (Hazlin Falina, 2017).

2.2.3 Proses

Orang Kurang Upaya (OKU) ditakrifkan sebagai mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat (Akta Orang Kurang Upaya 2008). Sementara itu, menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) orang kurang upaya dianggap sebagai individu yang memenuhi semua kriteria dalam takrif seperti mempunyai kecacatan fizikal atau mental secara jangka panjang atau berulang-ulang dan yang sebahagian besarnya menghadkan prospek mereka masuk kedalam kemajuan dalam pekerjaan. Mengikut statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat, OKU yang berdaftar sehingga 31 Januari 2015 mengikut negeri adalah seramai 508,487 orang dan masih ada sebilangan OKU yang tidak berdaftar. Sejumlah 182,664 orang merupakan OKU masalah pembelajaran, diikuti 167,002 OKU fizikal, OKU pendengaran 60,061 orang, OKU penglihatan pula 47,999 orang dan OKU mental 21,474 orang serta OKU pelbagai kategori sebanyak 25,477 orang. (Hazlin Falina, 2017)

Golongan OKU ini dilihat sebagai golongan minoriti dan kewujudan mereka di institusi pengajian tinggi sering berada dalam peratusan yang sedikit sedangkan seharusnya mereka ini memiliki hak kesamarataan dan peluang yang sama untuk mendapatkan kualiti kehidupan yang baik. Ramai sarjana mengatakan bahawa ini bukan disebabkan oleh kekurangan kemampuan pelajar OKU tersebut semata-mata, sebaliknya ia lebih kepada “halangan kekurangan sosial, alam sekitar dan sikap” yang disebut sebagai kekurangan dalam model sosial (Sabri, Rosli, & Takril, 2018). Secara terperinci, terdapat 4 faktor permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat OKU di pusat pengajian tinggi merangkumi faktor tahap kesedaran yang rendah dikalangan kakitangan akademik dan sokongan (Rosli & Sabri, 2017), proses pengurusan yang kurang untuk

masyarakat OKU semasa menjalani pengajian oleh pihak berwajib (Falina & Sabri, 2017), akses kepada maklumat dan perkhidmatan semasa pengajian (Hasnah, Yasin, Tahar, & Norasuzaini, 2009) dan keberadaan persekitaran pembelajaran yang tidak kondusif (Ying-Leh, 2018). (Ezrina Mohamad Esa¹*danAlice Sabrina Ismail, 2020)

Pada masa kini, terdapat pelbagai kejayaan yang dikecapi oleh golongan OKU dalam bidang pendidikan sama seperti pelajar normal lain. Kejayaan itu membuka laluan kepada golongan ini untuk mengikuti pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Namun demikian, apabila melangkah ke peringkat pengajian yang lebih tinggi, fasiliti untuk golongan OKU ini sangat penting untuk dititik beratkan bagi membolehkan mereka berada dalam persekitaran yang mesra OKU seterusnya membantu mereka untuk belajar dalam keadaan yang selesa. Persekitaran kampus harus sesuai bagi memudahkan warga OKU bergerak secara bebas tanpa bantuan. Dengan cara ini golongan OKU boleh berdikari dan menikmati kemudahan seperti warga kampus yang lain. Persekitaran yang hendak disediakan seharusnya menepati garis panduan yang telah ditetapkan oleh Standards & Industrial Research Institute of Malaysia (SIRIM) serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Samsuri, 2012).

Pengambilan pelajar OKU di IPT merupakan cabaran kepada institusi dan pelajar. Kedua-dua pihak memerlukan sinergi yang kuat dalam memastikan proses pembelajaran dan pengajaran berjalan lancar. Dari sudut pandangan pelajar, akses fizikal kepada bangunan merupakan cabaran utama dalam proses pembelajaran. Namun, terdapat juga isu- isu akses yang lebih luas membabitkan kurikulum, pengajaran, pembelajaran dan penilaian kepada pelajar OKU. Faktor- faktor ini memerlukan inisiatif-inisiatif yang perlu dititik beratkan oleh institusi bertujuan meluaskan akses pengajian tinggi, walaupun pelajar OKU merupakan golongan minority di IPT. Bertepatan itu, setiap IPT perlulah mempunyai sistem dimana ia dapat menyediakan akses dan kemudahan yang mesra OKU dan selamat digunakan bukan sahaja untuk golongan pelajar tipikal tetapi juga golongan pelajar OKU. Seperti kajian yang telah dilakukan oleh Zaharah et.al, (2003) menemuia bahawa OKU mempunyai kemahiran-kemahiran tertentu yang kadang kalanya setanding dengan orang normal, namun begitu terdapat beberapa kekangan yang mana akhirnya menyebabkan OKU ini ketinggalan dan diketepikan. Bagi pelajar

OKU, hal ini akan menyumbang kepada rendahnya semangat untuk belajar dan akhirnya mendapat keputusan yang rendah dalam pengajian.

Pada masa sekarang terdapat pelbagai kejayaan daripada golongan ini dalam bidang pendidikan sama seperti pelajar normal. Kejayaan itu membuka laluan kepada golongan ini untuk mengikuti pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Namun demikian, fasiliti untuk golongan OKU ini sangat penting untuk dititik beratkan bagi membolehkan mereka berada dalam persekitaran yang mesra OKU. Persekitaran kampus harus sesuai bagi memudahkan warga OKU bergerak secara bebas tanpa bantuan. Dengan cara ini golongan OKU boleh berdikari dan menikmati kemudahan seperti warga kampus yang lain. Persekitaran yang hendak disediakan seharusnya menepati garis panduan yang telah ditetapkan oleh Standards & Industrial Research Institute Of Malaysia (SIRIM) dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. demikianlah juga dengan sekolah yang mempunyai pelajar kurang upaya. Terdapat beberapa perkara berkaitan OKU yang harus diberikan perhatian seperti penginapan, pembelajaran, pemakanan, sukan, sosialisasi, kesihatan, perhubungan dan komunikasi, kerohanian, bank data dan unit sokongan OKU. (noorainul arifah, 2012).

2.3 Rumusan Bab

Bab ini menerangkan beberapa pengetahuan terhadap kajian dari segi definisi, latar belakang tentang kajian dan konsep terhadap tajuk kajian. Kajian ini juga untuk menilai tahap fasiliti orang kelainan upaya (OKU) yang disediakan di institusi pengajian tinggi (IPT) lainnya. Dengan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan dalam :

- i. Akta OKU 2008
- ii. Undang-undang bangunan seragam (UBBL)
- iii. MS1184 : 2002
- iv. MS1331 : 2003

Kesemua pecahan elemen ini menjadi panduan kepada pengkaji bagi mendapatkan objektif kajian. Segala keterangan mengenai bab ini diperjelaskan pada bab yang seterusnya.

BAB 3

KAJIAN METODOLOGI

3.1 Pengenalan

Bab ini melihat pelbagai metodologi penyelidikan dan kaedah penyelidikan yang biasa digunakan oleh penyelidik dalam bidang sistem maklumat. Metodologi penyelidikan dan penyelidikan kaedah yang digunakan dalam penyelidikan ini diakui dan dibincangkan.

Bab ini dimulakan dengan memberikan pengenalan menyeluruh mengenai penyelidikan. Kemudian dibincangkan metodologi penyelidikan dan kaedah penyelidikan yang digunakan dalam system maklumat. Usaha yang besar telah dilakukan untuk memperjelas dan memberikan perbezaan antara metodologi penyelidikan dan kaedah penyelidikan. Semasa menjalankan penyelidikan ini, ketika menyelidiki literatur mengenai metodologi penyelidikan dan kaedah penyelidikan, didapati banyak penyelidik menggunakan keduanya secara bergantian. Oleh itu, dua bahagian metodologi penyelidikan dan kaedah penyelidikan telah diperlakukan secara berasingan.

Bahagian yang membandingkan dan membezakan antara kedua disajikan terlebih dahulu, diikuti dengan bahagian metodologi penyelidikan. Kemudian dijelaskan pelbagai jenis metodologi penyelidikan dan dua jenis metodologi penyelidikan utama iaitu metodologi penyelidikan kualitatif dan metodologi penyelidikan kuantitatif dibincangkan. Metodologi penyelidikan yang telah digunakan untuk penyelidikan ini dibincangkan dan alasan mengapa kaedah penyelidikan tertentu dipilih dengan alasan yang tepat dijelaskan.

Kemudian kaedah penyelidikan secara umum dibincangkan dan jenis kaedah penyelidikan yang sesuai untuk penyelidikan sistem maklumat dijelaskan. Perbezaan antara kaedah penyelidikan kualitatif dan kuantitatif dihuraikan. Oleh kerana sumber data

sekunder telah digunakan dalam penyelidikan ini, satu bahagian dimasukkan untuk membincangkan perbezaan antara keduanya dan untuk menjelaskan kelebihan menggunakan sumber data sekunder untuk penyelidikan.

Kemudian kaedah penyelidikan, iaitu kaedah pengumpulan data dan analisis data yang sebenarnya dijelaskan dan justifikasi diberikan mengapa kaedah penyelidikan tertentu dipilih. Kaedah penyelidikan kajian kes digabungkan dengan kaedah penyelidikan teori berlandaskan untuk analisis dokumen data arkib yang diakses melalui Internet.

Kaedah Penyelidikan dan Metodologi Penyelidikan adalah dua istilah yang sering dikelirukan sebagai satu dan sama. Tegasnya mereka tidak begitu dan mereka menunjukkan perbezaan antara mereka. Salah satu perbezaan utama di antara mereka adalah bahawa kaedah penyelidikan adalah kaedah di mana ianya menjalankan penyelidikan terhadap subjek atau topik. Sebaliknya metodologi penyelidikan menjelaskan kaedah yang boleh dilaksanakan dengan penyelidikan. Kaedah penyelidikan melibatkan pelaksanaan eksperimen, ujian, tinjauan dan seumpamanya. Sebaliknya metodologi penyelidikan melibatkan pembelajaran pelbagai teknik yang dapat digunakan dalam menjalankan penyelidikan dan dalam menjalankan ujian, eksperimen, tinjauan dan kajian kritikal. Ini adalah perbezaan teknikal antara dua istilah, iaitu kaedah penyelidikan dan metodologi penyelidikan.

Metodologi kajian adalah kaedah yang sistematik untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Ini adalah sains mengkaji bagaimana penyelidikan akan dijalankan. Pada asasnya, prosedur yang dilakukan oleh penyelidik untuk menerangkan, menerangkan dan meramalkan fenomena yang disebut metodologi penyelidikan. Ia juga ditakrifkan sebagai kajian kaedah di mana pengetahuan diperoleh. Tujuannya adalah untuk memberikan rancangan kerja penyelidikan.

Kaedah penyelidikan adalah pelbagai prosedur, skema, algoritma, dll yang digunakan dalam penyelidikan. Semua kaedah yang digunakan oleh penyelidik semasa menjalankan kajian diistilahkan sebagai kaedah penyelidikan. Mereka pada dasarnya dirancang, saintifik dan tidak bernilai. Ini merangkumi prosedur teori, kajian eksperimen, skema numerik, pendekatan statistik, dan lain-lain. Kaedah penyelidikan membantu kami mengumpulkan sampel, data dan mencari jalan keluar untuk masalah. Terutama, kaedah

penyelidikan saintifik meminta penjelasan berdasarkan fakta, pengukuran dan pemerhatian yang dikumpulkan dan bukan berdasarkan alasan sahaja. Mereka hanya menerima penjelasan yang dapat disahkan melalui eksperimen.

3.2 Falsafah Kajian

Istilah falsafah penyelidikan merujuk kepada sistem kepercayaan dan andaian mengenai pengembangan pengetahuan. Walaupun ini terdengar agak mendalam, justru itulah yang dilakukan ketika memulai penyelidikan: mengembangkan pengetahuan dalam bidang tertentu. Pengembangan pengetahuan yang dimulakan mungkin tidak begitu dramatis seperti teori motivasi manusia yang baru, tetapi bahkan menjawab masalah tertentu dalam organisasi tertentu.

Sama ada secara sedar menyedari mereka atau tidak, pada setiap peringkat penyelidikan akan membuat beberapa jenis andaian (Burrell dan Morgan 1979). Ini termasuk andaian mengenai pengetahuan manusia (andaian epistemologi), mengenai realiti yang ditemui dalam penyelidikan (andaian ontologi) dan sejauh mana dan cara nilai dengan sendiri mempengaruhi proses penyelidikan (andaian aksiologi). Andaian ini pasti dapat membentuk bagaimana untuk memahami persoalan kajian, kaedah yang digunakan dan bagaimana menafsirkan penemuan kajian (Crotty 1998). Satu set andaian yang dipikirkan dengan baik dan konsisten akan membentuk falsafah penyelidikan yang boleh dipercayai, yang akan menyokong pilihan metodologi, strategi penyelidikan dan teknik pengumpulan data dan prosedur analisis. Ini akan membolehkan dan merancang projek penyelidikan yang koheren, di mana semua elemen penyelidikan sesuai. Johnson dan Clark (2006) menyatakan bahawa, sebagai penyelidik perniagaan dan pengurusan, kita perlu mengetahui komitmen falsafah yang kita buat melalui strategi penyelidikan pilihan kita, kerana ini akan memberi kesan yang besar terhadap apa yang kita lakukan dan bagaimana kita memahami apa yang dilakukannya adakah kita sedang menyiasat.

Penyelidikan falsafah terdapat 3 jenis penyelidikan iaitu positisme, interpretisme dan pragtisme, yang mana untuk kegunaan kajian research ini telah menggunakan penyelidikan pragtisme yang mana kaedah penyelidikan campuran daripada kualitatif

dan kuantitatif dan beberapa kaedah lainnya juga. Selain itu, penyelidikan falsafah dari segi pragmatisme lebih akurat dan lebih teliti dalam menentukan data yang terkumpul.

Pragmatisme berasal dari Amerika Syarikat akhir abad kesembilan belas-awal abad kedua puluh dalam karya ahli falsafah Charles Pierce, William James dan John Dewey. Ia berusaha untuk menggabungkan kedua-dua objektivisme dan subjektivisme, fakta dan nilai, pengetahuan yang tepat dan ketat serta pengalaman yang berbeza mengikut konteks. Ia melakukannya dengan mempertimbangkan teori, konsep, idea, hipotesis dan hasil penyelidikan bukan dalam bentuk abstrak, tetapi dari segi peranan yang mereka mainkan sebagai instrumen pemikiran dan tindakan, dan dari segi kesan praktikalnya dalam konteks tertentu. Realiti penting bagi para pragmatik sebagai kesan praktikal idea, dan pengetahuan dihargai untuk membolehkan tindakan dilaksanakan dengan jayanya.

Oleh kerana pragmatik lebih berminat pada hasil praktikal daripada perbezaan abstrak, penyelidikan mereka mungkin mempunyai variasi yang besar dari segi bagaimana 'objektivis' atau 'subjektivis' ternyata. Sekiranya melakukan penyelidikan pragmatik, ini bermaksud penentu yang paling penting untuk reka bentuk dan strategi penyelidikan adalah masalah penyelidikan yang akan dicuba atasi, dan persoalan kajian. Soalan penyelidikan, pada gilirannya, kemungkinan akan memasukkan penekanan pragmatik terhadap hasil praktikal.

Pragmatis menyedari bahawa ada banyak cara yang berbeza untuk menafsirkan dunia dan melakukan penyelidikan, bahawa tidak ada satu pun sudut pandang yang dapat memberikan keseluruhan gambaran dan mungkin ada banyak realiti. Ini tidak bermaksud bahawa pragmatik selalu menggunakan pelbagai kaedah; sebaliknya mereka menggunakan kaedah atau kaedah yang memungkinkan pengumpulan data yang dipercayai, baik, dipercayai dan relevan.

3.3 Pendekatan Kajian


Membangun tiga pendekatan pengembangan teori ini, jika penyelidikan dimulakan dengan teori, yang sering dikembangkan dari pembacaan literatur akademik, dan merancang strategi penyelidikan untuk menguji teori, menggunakan pendekatan deduktif. Sebaliknya, jika penyelidikan dimulakan dengan mengumpulkan data untuk meneroka suatu fenomena dan menghasilkan atau membina teori (selalunya dalam bentuk kerangka konsep), maka menggunakan pendekatan induktif. Di mana, mengumpulkan data untuk meneroka fenomena, mengenal pasti tema dan menerangkan corak, untuk menghasilkan yang baru atau mengubah teori yang ada yang kemudian diuji melalui pengumpulan data tambahan, menggunakan pendekatan abductive. Tiga sub-bahagian seterusnya meneroka perbezaan dan persamaan antara ketiga pendekatan ini dan implikasinya terhadap penyelidikan. Boleh dibandingkan ketiga-tiga kaedah pendekatan seperti jadual dibawah :

	Deduktif	Induktif	Abductive
Logik	Dalam kesimpulan deduktif, apabila premis itu benar, kesimpulannya juga mesti benar.	Dalam kesimpulan induktif, premis terkenal digunakan untuk menghasilkan kesimpulan yang belum diuji.	Dalam kesimpulan penculikan, premis terkenal digunakan untuk menghasilkan kesimpulan yang dapat diuji.
Kebolehgunaan secara umum	Membuat generalisasi dari umum ke yang spesifik.	Membuat generalisasi dari yang khusus kepada yang umum.	Membuat generalisasi dari interaksi antara yang khusus dan yang umum.
Penggunaan data	Pengumpulan data digunakan untuk menilai proposisi dan hipotesis yang berkaitan dengan teori yang ada.	Pengumpulan data digunakan untuk meneroka fenomena, mengenal pasti tema dan corak dan	Pengumpulan data digunakan untuk meneroka fenomena, mengenal pasti tema dan corak, menemukannya

		membuat kerangka konsep.	dalam kerangka konseptual dan mengujinya melalui pengumpulan data seterusnya dan sebagainya.
Teori	Pemalsuan atau pengesahan teori.	Penjanaan dan pembinaan teori.	Penjanaan atau pengubahsuaian teori, memasukkan teori yang ada jika sesuai, untuk membina teori baru atau mengubah teori yang ada.

Jadual 3.1 Tiga Kaedah Pendekatan Kajian

Daripada jadual diatas boleh dilihat penggunaan kaedah abductive lebih teliti dan lebih teratur dan dapat dinyatakan kaedah penggunaan pengumpulan data yang dapat digunakan dengan lebih jelas dan lebih terang. Pendekatan kajian yang digunakan ialah abductive yang mana ianya dalam falsafah penyelidikan pendekatan kajian campuran. Kaedah yang digunakan ialah kaedah campuran iaitu analisi dokumen, soal selidik dan temu bual. Abductive adalah pendekatan penyelidikan yang melibatkan pengumpulan data untuk mengenalpasti, mengetahui dan menerangkan hasil kajian. Kaedah yang digunakan seperti ini :




Rajah 3.1 Kaedah Kajian

Kaedah Abductive adalah kaedah yang menggunakan subjektif dan objektif juga penggunaan dari segi kuantitatif serta kualitatif. Pendekatan abductive bergerak ke

belakang dan sebagainya, pada hakikatnya menggabungkan deduktif dan induktif. Abductive bermula dengan pemerhatian fakta yang mengejutkan, ia kemudian menghasilkan teori yang masuk akal dan boleh digunakan. Menerapkan pendekatan abductive dalam penyelidikan kami mengenai dalam memperoleh data yang cukup terperinci dan kaya untuk membolehkan kita meneroka fenomena dan mengenal pasti dan menjelaskan kajian yang dilakukan. Ini akan kami uji menggunakan bukti yang disediakan oleh data yang ada dan data baru dan menyemak semula jika perlu.

Selain itu, yang lebih daripada sekadar teknik di mana data dikumpulkan dan prosedur di mana mereka dianalisis. Ini adalah konfigurasi keseluruhan penyelidikan yang melibatkan pertanyaan mengenai jenis bukti apa yang dikumpulkan dan dari mana, dan bagaimana bukti tersebut ditafsirkan untuk memberikan jawapan yang baik untuk pertanyaan penyelidikan awal. Ini akan membantu memikirkan strategi penyelidikan dan pilihan metodologi yang akan berjaya dan sangat penting, strategi yang tidak akan berjaya. Sebagai contoh, jika sangat berminat untuk memahami mengapa sesuatu berlaku, dan bukannya dapat menggambarkan apa yang berlaku, mungkin lebih tepat untuk melakukan penyelidikan secara induktif dan bukannya secara deduktif.

3.4 RekaBentuk Kajian



Rajah 3.2 Rekabentuk Kajian (Maxwell, 2012)

3.5 Pengumpulan Data

Pengumpulan data adalah kaedah mengumpulkan maklumat dari semua sumber yang relevan, mencari jawapan untuk persoalan kajian, menilai hipotesis dan menganalisis penemuan. Kaedah pengumpulan data terbahagi kepada dua kategori iaitu kaedah pengumpulan data primer dan kaedah pengumpulan data sekunder. Kaedah pengumpulan data primer dipisahkan kepada dua kumpulan iaitu kualitatif dan kuantitatif. Sebaliknya, kaedah pengumpulan data sekunder diturunkan dalam bentuk data yang telah dikeluarkan dalam jurnal, artikel, majalah, penerbitan, portal dalam talian dan sebagainya.

Terdapat banyak data yang terdapat dalam sumber-sumber ini biasanya tanpa mengira kerumitan bidang kajian. Kaedah tinjauan banyak digunakan oleh penyelidik untuk memerhatikan keadaan tertentu pada waktu tertentu dan sering digunakan untuk mendapatkan maklumat melalui pengumpulan data. Penyiasatan diketahui sebagai kaedah yang paling mudah dan popular dengan menggunakan soal selidik yang akan diberikan kepada responden untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan untuk penyelidikan.

Maklumat tersebut akan diproses dengan menggunakan kaedah analisis yang dirancang oleh pengkaji. Selalunya, kaedah ini digunakan untuk menyelidiki produk atau reka bentuk tertentu dengan bantuan media seperti televisyen, surat khabar, majalah untuk mendapatkan ulasan atau pendapat mengenai kriteria tertentu. Kaedah pengumpulan data yang digunakan ialah analisis dokumen, soal selidik dan temu bual.

i. Analisis dokumen

Kaedah ini digunakan dalam penyelidikan ini untuk memeriksa maklumat sebelumnya yang telah digunakan sebelumnya dengan merujuk pada dokumen atau buku mahupun pada Akta yang digunapakai dalam menyatakan sesuatu kesahihan bagi kajian. Ini kerana penyelidik ingin memastikan bahawa fakta yang dikeluarkan menepati dan sesuai dengan garis panduan yang telah ditetapkan oleh undang-undang seragaman dan fasiliti bagi golongan OKU.

ii. Soal selidik

Pengembangan soal selidik berdasarkan kajian awal yang dilakukan oleh pengkaji. Soal selidik untuk menilai tahap fasiliti yang ditetapkan melalui soalan soalan selidik yang diedarkan kepada responden. Bahagian satu terdiri daripada maklumat demografi responden sementara Bahagian dua merangkumi kepentingan pengurusan fasiliti oleh pihak terbabit dan berkait dengan objektif yang telah ditemukan oleh pengkaji dan Bahagian tiga, yang mengandungi soalan terbuka, menyoroti pendapat dan penambahbaik yang boleh dilakukan serta cadangan untuk pengkaji lakukan sebarang penilaian. Tindak balas lisan terbuka berguna dalam memperoleh data kualitatif

iii. Temu bual

Temu ramah terdiri daripada tiga jenis, iaitu temu bual berstruktur, wawancara tidak berstruktur dan wawancara separa berstruktur. Temu bual berstruktur adalah bentuk soal selidik yang disampaikan secara lisan. Ini adalah jenis wawancara yang sangat formal yang terdiri daripada beberapa soalan yang diberikan atau diletakkan di hadapan penemuduga dan setiap soalan akan diajukan dengan teratur. Temu ramah tidak berstruktur tidak mengandungi soalan yang dipersiapkan untuk penemuduga kerana ini adalah jenis wawancara yang lebih spontan dan terbuka. Tujuan wawancara tidak berstruktur adalah untuk meneroka lebih banyak idea baru dan hasil daripada emosi atau pemikiran peribadi orang yang ditemu ramah. Sebaliknya, temu ramah separa berstruktur sering digunakan dalam penyelidikan kualitatif.

3.6 Rumusan Bab

Secara ringkas pengkaji telah mengenalpasti kaedah kajian yang besesuaian dengan kajian untuk menilai tahap fasiliti orang kelainan upaya (OKU) yang disediakan di Universiti Teknologi Mara Kampus Shah Alam. Selain itu, instrument atau kaedah yang akan digunakan bagi mengumpul data juga turut dapat dikenalpasti melalui bab ini.

Bab 4

Pengumpulan Data

4.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan kaedah penyelidikan yang diguna dalam kajian untuk mengumpul data dan maklumat bagi mencapai matlamat kajian. Kajian ini merangkumi reka bentuk kajian, kajian kualitatif, kajian kuantitatif, justifikasi pemilihan kualitatif, strategi pengumpulan data dan strategi analisis data. Bagi bidang yang belum matang kajian berbentuk penerokaan adalah pilihan yang tepat (Connaway & Powell 2010). Reka bentuk kajian kualitatif pula sesuai dengan kajian yang bersifat penerokaan (Crawford & Irving 2009). Sesuai dengan kajian yang bersifat penerokaan, kajian kes dipilih sebagai strategi kajian manakala temu bual dan analisis dokumen sebagai Teknik kajian (Ahmad Naqiyuddin 2008a; Neuman 2010).

Pengkaji akan menerangkan tentang instrument yang digunakan untuk pengumpulan data. Seperti mana yang dibincangkan dalam bab satu kajian ini mempunyai tiga objektif iaitu:-

- i. Untuk mengetahui fasiliti yang disediakan bagi pelajar golongan OKU di kampus.
- ii. Untuk mengenal pasti fasiliti yang disediakan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.
- iii. Menambahbaik fasiliti bangunan supaya mengikut Akta yang telah ditetapkan bagi golongan orang kelainan upaya.

Sementara itu, Creswell (2009) berpandangan, reka bentuk kajian adalah rancangan atau cadangan bagi menjalankan kajian yang melibatkan interaksi antara falsafah kajian, strategi penyelidikan dan metod kajian. Kajian ini merupakan sebuah kajian berbentuk kuantitatif dengan menggunakan instrument soal selidik dalam proses pengumpulan data

kerana pengkaji memilih kaedah soal selidik bentuk tertutup Setiap soalan yang diberikan berbentuk secara pelbagai pilihan jawapan dan ada soalan berstruktur mengikut bahagian-bahagian soalan yang diberikan.


4.2 Sampel Kajian

4.2.1 Rekabentuk Persampelan

Terdapat beberapa kaedah persampelan, antaranya adalah persampelan kebarangkalian dan persampelan tidak kebarangkalian. Persampelan kebarangkalian pula dibahagikan kepada sampel rawak mudah, sampel bersistematik, sampel berserta dan sampel berkelompok. Persampelan tidak kebarangkalian terdiri dari sampel kuota, sampel 'bola salji', dan sampel pertimbangan. Kaedah persampelan yang digunakan dalam kajian ini ialah persampelan kebarangkalian secara rawak.

Prosedur persampelan kebarangkalian adalah sinonim dengan penyelidikan jenis kuantitatif. Prosedur persampelan jenis ini dilaksanakan dengan memilih subjek sampel secara rawak iaitu subjek dalam sampel tersebut mempunyai semua ciri-ciri yang terdapat dalam populasi kajian. Menurut Pomizi (2015), persampelan bermaksud pemilihan suatu kumpulan manusia, institusi, tempat atau fenomena) oleh pengkaji untuk sesuatu penyelidikan yang mewakili kumpulan besar yang dipilih.

Menurut Creswell dan Clark (2007), reka bentuk ini dijalankan melalui dua fasa iaitu kajian kuantitatif dijalankan melalui fasa pertama dan kemudiannya disusuli dengan fasa kedua dengan kajian kualitatif. Seterusnya, laporan penyelidikan dilakukan berdasarkan dapatan daripada dapatan kuantitatif diikuti dengan dapatan kualitatif seperti yang ditunjukkan :



Rajah 4.1 (Creswell dan Clark, 2007).

Kajian gabungan pula merupakan kajian yang menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Menurut Creswell & Clark (2011), data yang diperoleh juga menggunakan data kuantitatif dan data kualitatif yang merupakan kombinasi kaedah, falsafah, dan haluan rekabentuk penyelidikan yang merangkumi :-

- 1) Mengumpul dan analisis data kualitatif dan kuantitatif secara teliti dan menyakinkan.
- 2) Menggabungkan atau menghubungkan dua jenis data secara serentak dengan cara menggabungkan secara berturutan atau menerapkan salah satu ke dalam yang lain.
- 3) Memberikan kepentingan kepada salah satu atau kedua bentuk data (berdasarkan kepada penekanan dalam penyelidikan).
- 4) Menggunakan prosedur ini dalam satu kajian atau mengikut beberapa fasa.
- 5) Merangka prosedur mengikut pandangan falsafah atau pandangan teori.
- 6) Menggabungkan prosedur ke dalam rekabentuk kajian yang spesifik yang akan memberi halatuju untuk melaksanakan kajian.

Terdapat kaedah persampelan kebarangkalian terbahagi kepada empat (4) iaitu persampelan rawak mudah, persampelan sistematik, persampelan rawak berlapis dan persampelan kelompok. Manakala persampelan bukan kebarangkalian terdiri daripada persampelan secara kebetulan, persampelan bertujuan, persampelan kuota, persampelan bola salji, persampelan dimensional, persampelan kes kritikal dan persampelan variasi maksimum.

4.2.1.1 Persampelan Kebarangkalian (secara rawak)

Prosedur persampelan kebarangkalian adalah sinonim dengan **penyelidikan jenis kuantitatif**. Prosedur persampelan jenis ini dilaksanakan dengan memilih subjek sampel secara rawak iaitu subjek dalam sampel tersebut mempunyai semua ciri-ciri yang terdapat dalam populasi kajian.

Sebelum prosedur persampelan kebarangkalian dilakukan, pengkaji perlu mengenal pasti saiz populasi dan memperoleh senarai subjek dalam populasi. Berdasarkan senarai subjek, pemilihan responden dilakukan mengikut kaedah persampelan rawak. Rajah di bawah menunjukkan proses prosedur persampelan kebarangkalian.




Rajah 4.2 Proses Prosedur Persampelan Kebarangkalian

4.2.1.2 Kaedah Persampelan Bukan Kebarangkalian (secara tak rawak)

Prosedur persampelan jenis bukan kebarangkalian lazimnya diguna pakai oleh pengkaji dalam penyelidikan bersifat kualitatif. Persampelan bukan kebarangkalian melibatkan pemilihan sampel daripada suatu populasi yang telah dikenal pasti berdasarkan kriteria yang ditetapkan.

Rajah di bawah menunjukkan jenis-jenis persampelan kebarangkalian dan persampelan bukan kebarangkalian.



Rajah 4.3 Proses Prosedur Persampelan Kebarangkalian dan Proses Prosedur Persampelan Bukan Kebarangkalian

4.2.2 Saiz Sampel

Menurut Fraenkel dan Wallen (1993), keseluruhan populasi ini adalah merupakan target population di mana populasi tersebut mempunyai ciri-ciri responden yang diinginkan dalam kajian. Menurut mereka lagi, sesuatu pemilihan keseluruhan kepada subjek ini bilangannya seharusnya boleh diuruskan, boleh diperoleh atau accessible population dan boleh digeneralisasikan serta tidak terbatas kepada sampel dan terjamin.

Bagi menentukan saiz sampel kajian ini, Jadual Krejcie dan Morgan (1970) dirujuk kerana jumlah sebenar populasi telah diketahui. Namun begitu, sekiranya tiada maklumat yang sebenar mengenai populasi, anggaran jumlah populasi boleh dibuat dalam situasi-situasi tertentu.

Tabel jumlah sampel berdasarkan jumlah populasi

Populasi (N)	Sampel (n)	Populasi (N)	Sampel (n)	Populasi (N)	Sampel (n)
10	10	220	140	1200	291
15	14	230	144	1300	297
20	19	240	148	1400	302
25	24	250	152	1500	306
30	28	260	155	1600	310
35	32	270	159	1700	313
40	36	280	162	1800	317
45	40	290	165	1900	320
50	44	300	169	2000	322
55	48	320	175	2200	327
60	52	340	181	2400	331
65	56	360	186	2600	335
70	59	380	191	2800	338
75	63	400	196	3000	341
80	66	420	201	3500	346
85	70	440	205	4000	351
90	73	460	210	4500	354
95	76	480	214	5000	357
100	80	500	217	6000	361
110	86	550	226	7000	364
120	92	600	234	8000	367
130	97	650	242	9000	368
140	103	700	248	10000	370
150	108	750	254	15000	375
160	113	800	260	20000	377
170	118	850	265	30000	379
180	123	900	269	40000	380
190	127	950	274	50000	381
200	132	1000	278	75000	382
210	136	1100	285	100000	384

Jadual 4.1 Krejcie dan Morgan (1970)

Bagi mendapatkan data tahap kesedaran mengenai kepentingan penyediaan fasiliti bagi pelajar / golongan OKU Institusi Pengajian Tinggi (IPT) mahupun swasta, kesemua pihak yang tertentu dan terlibat perlulah memahami dan melakukan senggaraan dengan baik untuk fasiliti yang ada di UiTM Puncak Alam akan menjadi responden untuk kajian ini. Bagi tujuan kajian ini, pengkaji memilih untuk menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Jumlah responden bagi Kompleks Alam Bina dan Kompleks At-Tijjarah. Lokasi kajian adalah seramai 30 – 50 orang pelajar bagi setiap kompleks di UiTM Puncak Alam. Oleh itu, merujuk kepada jadual Krejcie dan Morgan (1970).

4.3 Instrumen Pengumpulan Data

Instrumen adalah merupakan kaedah yang digunakan untuk pengumpulan data. Terdapat beberapa kaedah pengumpulan data iaitu kaedah soal selidik, pemerhatian dan secara dokumen. Instrumen ini mempunyai dua jenis iaitu soal selidik bentuk tertutup dan soal selidik jenis terbuka. Tetapi, untuk kajian ini pengkaji menggunakan kaedah soal selidik jenis tertutup. Kaedah soal selidik tertutup merupakan soalan di mana responden hanya perlu memilih jawapan yang telah disediakan.

Bagi mendapatkan data kajian, borang soal selidik akan diedarkan kepada responden secara dalam talian dengan menggunakan aplikasi google form. Berikut adalah soalan-soalan soal selidik yang terlibat dalam kajian ini.

soalan	Justifikasi
Bahagian A : Demografi A1 : Tahun Pengajian A2 : Program Pengajian A3 : Jabatan / Fakulti A4 : Umur A5 : Jantina	<ul style="list-style-type: none"> • Persoalan ini dilakukan untuk mendapatkan latar belakang respondent bagi kajian yang dilakukan. • Bahagian ini juga untuk mengetahui populasi respondent yang memberi hasil dapatan kajian.
Bahagian B : Penyediaan fasiliti yang sesuai dan selesa bagi pelajar kelainan upaya(oku) dengan keadaan yang kondusif dan kondutif.	<ul style="list-style-type: none"> • Persoalan ini dibina berdasarkan objektif 1 dan objektif 2 dalam memahami dan memastikan fasiliti yang disediakan dan peraturan yang perlu dipatuhi.

<p>B1 : Fasiliti untuk golongan kelainan upaya berada dalam keadaan baik.</p> <p>B2 : Fasiliti untuk golongan kelainan upaya yang disediakan di selenggara dengan baik oleh pihak yang bertanggungjawab.</p> <p>B3 : Fasiliti untuk golongan kelainan upaya disediakan di sekitar kampus.</p> <p>B4 : Fasiliti untuk golongan kelainan upaya mengikut spesifikasi yang betul dan dalam keadaan baik.</p> <p>B5 : Fasiliti untuk golongan kelainan upaya disediakan dengan lengkap dan mematuhi garis panduan serta standard undang-undang.</p> <p>B6 : Fasiliti untuk golongan kelainan upaya sentiasa di pantau oleh pihak senggaraan dan pengurusan.</p> <p>B7 : Fasiliti seperti jalan bercondong disediakan untuk golongan kelainan upaya bagi pergerakan dari tempat tinggi dan bertangga.</p>	<ul style="list-style-type: none">• Bagi bahagian ini memastikan adakah fasiliti yang disediakan untuk pelajar / golongan OKU di UiTM Puncak Alam dia Kompleks Alam Bina dan Kompleks At-tajjarah• Bagi mengetahui fasiliti yang disediakan untuk pelajar / golongan OKU disenggara dengan baik atau tidak.• Memastikan fasiliti yang disediakan dapat diakses dengan sekata atau tidak bagi pelajar golongan OKU.• Memastikan juga berdasarkan objektif 2 bagi fasiliti yang disediakan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan atau tidak.• Peraturan yang menjadi teras bagi soalan ini ialah Akta OKU 2008 (Akta 685).• Dalam Akta OKU 2008 menyatakan kemudahan bg pelajar / golongan OKU perlu diberikan kemudahan yang sama rata, pendidikan yang sejajar dan keselesaan bagi golongan OKU.• Selain Akta OKU 2008(Akta 685) masih ada peraturan yang perlu digariskan mengikut standard <i>Malaysia (Malaysian Standard)</i>.
-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

<p>B8 : Fasiliti yang disediakan di kolej kediaman dapat digunakan secara mudah oleh pelajar kelainan upaya.</p> <p>B9 : Terdapat fasiliti kursus yang mudah diakses oleh pelajar kelainan upaya di kolej kediaman di dalam dan luar bangunan.</p> <p>B10 : Pelajar kelainan upaya diberikan fasiliti yang selaras pelajar lainnya.</p> <p>B11 : Pelajar kelainan upaya dapat melakukan aktiviti sama seperti pelajar lainnya.</p> <p>B12 : Fasiliti kegunaan bagi sistem pelajaran dan pembelajaran untuk pelajar kelainan upaya lengkap dan mudah di akses.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Dalam MS1184 : 2003 dan MS3113 : 2002 pulak menyatakan fasiliti bagi golongan OKU bagi dalam dan luar bangunan. • MS1184 : 2003 adalah peraturan atau standard yang perlu dipatuhi bagi sesebuah pembinaan yang mana fasiliti bagi golongan OKU bagi luar bangunan seperti jalan bercondong, tempat letak kereta, jalan penjalan kaki terutama bagi golongan yang kurang dari segi penglihatan dan juga berkerusi roda mahupun bertongkat. • Bagi MS 3113 : 2002 pula standard bagi fasiliti yang terdapat bagi golongan OKU dalam bangunan yang mana seperti kemudahan tandas, ruang belajar, kedudukan tempat belajar yang sesuai dengan golongan OKU.
<p>Bahagian C : Cadangan bagi penambah baik yang perlu dan boleh dilakukan oleh pihak yang terlibat.</p> <p>C1 : Adakah kemudahan yang disediakan mudah untuk diakses oleh pelajar kelainan upaya?</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Bagi bahagian soalan ini berdasarkan objektif 3 kajian dalam mencadangkan penambahbaikan yang perlu dilakukan. • Penambahbaikan yang boleh dilaksanakan di bangunan di dalam mahupun diluar mengikut standard

<p>C2 : Bagaimanakah pergerakan pelajar kelainan upaya di untuk ke kelas dan kawasan sekitar kampus?</p> <p>C3 :Adakah di kolej kediaman mempunyai laluan kursus bagi pelajar kelainana upaya?</p>	<p>yang ada dalam Akta atau standard yang ditetapkan.</p> <ul style="list-style-type: none">• Untuk mengetahui fasiliti yang dapat ditambah baik atau dapat dilakukan perubahan bagi golongan OKU.• Dapat memastikan cadangan bagi memudahkan bagi golongan OKU mengakses fasiliti yang disediakan.
----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

Jadual 4.2 soalan – soalan soal selidik.

4.4 Ujian Kesahan

Ujian kesahan bagi kajian ini telah dilaksanakan bersama salah seorang Pegawai Pentadbiran serta Pengurus Fasiliti dan Eksekutif Pengurusan Fasiliti BMES Maintenance Service Sdn Bhd untuk mengesahkan konstruk soalan soal selidik yang akan digunakan untuk menilai tahap fasiliti yang disediakan bagi golongan OKU di UiTM Puncak Alam.

Ujian kesahan ini dilakukan secara rawak dalam kalangan pelajar yang menginap di kolej kediaman yang mempunyai kebenaran untuk berada di kampus. Ujian ini dilakukan bagi mencapai data yang menyatakan konstruk soalan soal selidik yang telah dirangka oleh pengkaji boleh digunakan dan relevan serta boleh dipercayai untuk mengumpul data dan boleh digunapakai.

Jawapan
Sangat Setuju
Setuju
Tidak Pasti
Tidak Setuju
Sangat Tidak Setuju

Jadual 4.3 skala jawapan

4.5 Kajian Rintis

Sebelum soal selidik digunakan didalam kajian sebenar, kajian rintis telah dijalankan. Menurut Ahmad (2015), Kajian rintis merupakan fasa terakhir tinjauan sebelum pengumpulan data dilakukan. Ini merupakan kajian yang dibuat secara kecil-kecilan sebelum kajian sebenar dilakukan. Tujuannya adalah untuk memastikan instrument mempunyai kebolehpercayaan dan kesahan serta mencari masalah dalam soal selidik termasuk soalan yang lemah, arahan yang tidak lengkap dan item yang sukar difahami. Minimum bilangan responden bagi kajian rintis adalah 30 orang. Hasil daripada ujian kebolehpercayaan yang menggunakan program SPSS (versi 26.0) telah menunjukkan nilai alpha keseluruhan adalah melebihi nilai alfa 0.7. Nilai kebolehpercayaan untuk borang soal selidik adalah α 0.934. Oleh itu, adalah diyakini item-item yang dibina mempunyai kebolehpercayaan yang baik.

Scale: ALL VARIABLES

Case Processing Summary

		N	%
Cases	Valid	30	100.0
	Excluded ^a	0	.0
	Total	30	100.0

a. Listwise deletion based on all variables in the procedure.

Reliability Statistics


Cronbach's Alpha	N of Items
.934	12

Rajah 4.4 Ujian Kebolehpercayaan untuk soalan soal selidik

4.6 Analisis Dokumen

Dokumen yang dianalisis oleh dilakukan adalah berkaitan dengan peraturan dan standard spekfikasi yang ditetapkan oleh undang-undang bagi fasiliti untuk golongan OKU yang perlu dilakukan di setiap bangunan sama ada di institusi pengajian mahupun kawasan bangunan awam dan persendirian lainnya.


4.6.1 Undang-Undang Malaysia Akta 685



Rajah 4.5 Undang-undang Malaysia Akta 685

Rajah 4.5 adalah dokumen yang dianalisis berkaitan dengan undang-undang Malaysia Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685) yang mana menyatakan tentang kesamaan golongan OKU dan golongan normal dalam penggunaan fasiliti dari segi pendidikan, bangunan awam, kawasan rekeasi dan sebagainya. Dimana ianya perlu menyatakan undang-undang untuk perlu adanya Akta bagi golongan OKU dalam mencapai tahap pendidikan dengan fasiliti yang selesa, nyaman dan selamat untuk digunakan oleh golongan OKU.


4.6.2 Malaysia Standard 1184 : 2002 (MS 1184 : 2002)



Rajah 4.6 Malaysia Standard 1184 : 2002 (MS 1184 : 2002)

Rajah 4.6 menunjukkan dokumen berkaitan dengan penggunaan fasiliti dalam bangunan bagi golongan OKU sama ada untuk institusi pendidikan mahupun bangunan awam serta persendirian yang lainya, yang mana dalam MS1184 : 2002 menerangkan dengan jelas tentang fasiliti yang perlu ada dalam bangunan untuk golongan OKU bagi memudahkan mereka serta menyenangkan pergerakan golongan OKU semasa berada dalam sesebuah bangunan.

4.6.3 Malaysia Standard 1331 : 2003 (MS 1331 : 2003)



Rajah 4.7 Malaysia Standard 1331 : 2003 (MS 1331 : 2003)

Rajah 4.7 menunjukkan dokumen berkaitan dengan penggunaan fasiliti luar bangunan bagi golongan OKU sama ada untuk institusi pendidikan mahupun bangunan awam serta persendirian yang lainya, yang mana dalam MS1331 : 2003 menerangkan dengan jelas tentang fasiliti yang perlu ada luar bangunan untuk golongan OKU bagi memudahkan mereka serta menyenangkan pergerakan golongan OKU semasa berada sekitar sesebuah bangunan.

4.7 Rumusan Bab

Di akhir bab ini, pengkaji telah mengenalpasti kaedah pengumpulan data yang akan digunakan dalam kajian ini iaitu menggunakan kaedah kuantitatif, kualitatif dan analisis dokumen. Manakala, saiz sample yang akan digunakan seramai 30 orang responden yang maklum balas untuk soal selidik dan 5 orang dari struktur temu bual yang terdiri dari pensyarah dan pelajar di UiTM Puncak Alam.

BAB 5

ANALISA DATA DAN PERBINCANGAN

5.1 Pengenalan

Di dalam bab ini akan menganalisa dan membincangkan mengenai data yang diperolehi untuk mengukur objektif yang mempunyai kaitan dengan kerangka konseptual yang telah dibina. Ia juga akan membincangkan proses analisa berdasarkan dapatan yang telah diperolehi daripada sampel yang menggunakan instrumen yang telah dipilih iaitu borang kaji selidik yang berkaitan dalam menilai tahap fasiliti orang kelaianan upaya (OKU) yang disediakan di Universiti teknologi Mara Kampus Shah Alam yang fasiliti yang disediakan dapat digunakan dengan baik atau sebaliknya dan mengikut peraturan dan standard yang telah ditetapkan. Analisa data ini merupakan proses untuk menjawab persoalan dan objektif kajian untuk kesemua data yang dikumpulkan dan diproses (Angora,2008).

Data analisis bagi borang kaji selidik telah diedarkan kepada pelajar yang berada di Kompleks Alam Bina dan Kompleks At-tijarah UiTM Puncak Alam dengan anggaran 30 – 50 orang responden dengan menggunakan *google form* bagi mengedarkan boring soal selidik melalui email dan *WhatsApp* dengan bantuan kerjasama pensyarah dan Majlis Perwakilan Pelajar Uitm Puncak Alam untuk responden menjawab borang soal selidik yang di edarkan di kedua – dua Kompleks bagi Kampus UiTM Puncak Alam.

Hasil analisa kajian yang diperolehi akan ditunjukkan dalam bentuk jadual dan rajah. Data yang diperolehi akan dianalisis menggunakan perisian *IBM SPSS STATISTICS*. Kaedah analisis yang digunakan adalah dalam bentuk peritus, min dan sisihan piawai yang diperolehi melalui perisian *IBM SPSS STATISTIC*


5.2 Demografik Responden

Bahagian ini menerangkan mengenai demografik responden bagi borang kaji selidik. Bagi kajian ini, seramai 30 orang responden borang soalan kaji selidik telah diterima bagi mencapai objektif kajian penyelidikan. Dalam tinjauan responden terdapat bebarapa item yang digunakan, antaranya adalah: -

- Tahun Pengajian
- Program Pengajian
- Jabatan / Fakulti
- Umur
- Jantina

Keseluruhan maklumat yang telah diperolehi daripada responden hasil daripada borang soalan kaji selidik yang telah diedarkan akan ditunjukkan dalam bentuk rajah setelah dianalisa.


5.2.1 Analisa Responden Bagi Tahun Pengajian



Rajah 5.1: Carta Pai Tahun Pengajian

Rajah 5.1 menunjukkan bilangan responden mengikut tahun pengajian di Kompleks Alam Bina dan Kompleks At-tijarah UiTM Puncak Alam. Kajian ini melibatkan seramai 30 orang responden yang melibatkan kedua – dua Kompleks di Kampus UiTM Puncak Alam. Responden terdiri daripada 34% responden tahun 4 pengajian, 23% dari tahun 1 dan tahun 2 pengajian dan seramai 20% responden dari tahun 3 pengajian. Oleh yang demikian, penyelidik dapat membuat kesimpulan bahawa bilangan responden tahun 4 pengajian diikuti tahun 1 dan tahun 2 pengajian dan tahun 3 pengajian. Hal ini juga akan mempengaruhi dapatan data bagi kajian ini.

5.2.2 Analisa Responden Bagi Program Pengajian




Rajah 5.2: Carta Pai Program Pengajian

Rajah 5.2 menunjukkan peratus responden mengikut program pengajian yang ada di antara dua kompleks pengajian di UiTM Puncak Alam. Responden dari fakulti yang telah menjawab soal selidik yang telah diedarkan adalah Kompleks Alam Bina dan Kompleks

At-tijjarah. Lingkungan pertama daripada program pengajian Ap248 yang mana seramai 7%. Lingkungan kedua daripada program pengajian BA232 seramai 10%. Lingkungan ketiga daripada program pengajian *BUSINESS* seramai 23%. Lingkungan ke-empat pula daripada program pengajian *Degree International Business* seramai 4%. Lingkungan kelima daripada program pengajian Ijazah Sarjana Muda Pengurusan dan Perkhidmatan Pelanggan seramai 3%. Lingkungan keenam pula responden daripada program pengajian Sarjan Muda Senibina seramai 3%. Lingkungan ketujuh responden daripada program pengajian Sarjana Muda Senibina Landskap seramai 50%. Dimana program pengajian Sarjana Muda Senibina Landskap adalah daripada fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur. Bagi lingkungan responden yang telah menjawab soal selidik bagi fasiliti yang disediakan bagi OKU di UiTM Kampus Puncak Alam.

5.2.3 Analisa Responden Bagi Jabatan / Fakulti




Rajah 5.3: Carta Pai Jabatan / Fakulti

Rajah 5.3 menunjukkan peratus responden mengikut fakulti pengajian yang ada di antara dua kompleks pengajian di UiTM Puncak Alam. Responden dari fakulti yang telah menjawab soal selidik yang telah diedarkan adalah Kompleks Alam Bina dan Kompleks

At-tijarah. Lingkungan pertama daripada Kompleks Alam Bina yang mana terdiri dari Fakulti Seni Bina, Perancangan dan Ukur diantara Tahun 1 pengajian hingga Tahun 4 pengajian iaitu 60%. Lingkungan kedua daripada Kompleks At-tijarah yang terdiri dari responden Tahun 1 pengajian hingga Tahun 4 pengajian seramai 40%. Bagi lingkungan responden yang telah menjawab soal selidik bagi fasiliti yang disediakan bagi OKU di UiTM Kampus Puncak Alam.


5.2.4 Analisa Responden Bagi Umur



Rajah 5.4: Carta Pai Umur

Rajah 5.2 menunjukkan peratus responden mengikut umur. Umur responden adalah antara 21 hingga 25 tahun. Lingkungan pertama daripada mereka berumur antara 21 tahun yang terdiri daripada 20%. Lingkungan kedua berumur 22 tahun yang terdiri daripada 40%. Lingkungan ketiga berumur 23 tahun terdiri daripada 27%. Lingkungan keempat berumur 24 tahun yang terdiri daripada 10%. Bagi lingkungan kelima berumur 25 yang seramai 3%. Menunjukkan tahap umur responden dalam kalangan pelajar di UiTM Kampus Puncak Alam.

5.2.5 Analisa Responden Bagi Jantina



Rajah 5.5: Carta Pai Jantina

Rajah 5.5 menunjukkan bilangan responden mengikut jantina di UiTM Puncak Alam bagi Kompleks Alam Bina dan Kompleks At-tijarah. Kajian ini melibatkan seramai 30 orang responden yang melibatkan kedua – dua Kompleks pengajian Kampus UiTM Puncak Alam. Responden terdiri daripada 53% responden perempuan dan seramai 47% adalah lelaki. Oleh yang demikian, penyelidik dapat membuat kesimpulan bahawa bilangan responden perempuan adalah lebih ramai berbanding lelaki. Hal ini juga akan mempengaruhi dapatan data bagi kajian ini.

5.3 Dapatan Kajian Untuk Objektif Pertama

Dalam bahagian ini, pengkaji akan menganalisa data bagi mencapai objektif pertama kajian. Objektif pertama kajian adalah untuk mengetahui fasiliti yang disediakan bagi pelajar golongan OKU di kampus . Data analisis menggunakan perisian *IBM SPSS STATISTICS*. Instrument yang digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan data adalah melalui borang kajian soal selidik yang telah diedarkan kepada responden yang berada di UiTM Puncak Alam.

Pengkaji menggunakan Analisa min bagi menjawab objektif pertama kajian. Min dimaksudkan sebagai jumlah skor dalam taburan yang dibahagikan dengan jumlah skor. Apabila menggunakan analisa min, kajian ini dapat mengenalpasti keseluruhan purata yang dihasilkan daripada satu set data. Dalam soalan kaji selidik nilai purata analisa digunakan untuk memperoleh nilai bagi setiap purata data yang berkaitan fasiliti untuk golongan OKU.

Secara amnya, bahagian ini Untuk mengetahui fasiliti yang disediakan bagi pelajar golongan OKU di kampus. Fasiliti-fasiliti yang disediakan di bangunan yang ada di UiTM Puncak Alam.

Berdasarkan analisa ini pengkaji boleh mengetahui tahap fasiliti yang disediakan di UiTM Puncak Alam. Tiga skala mata telah ditetapkan. Hasil jawapan daripada responden adalah seperti jadual 5.1:

Untuk mengetahui fasiliti yang disediakan bagi pelajar golongan OKU di kampus	N	MIN
B1.Fasiliti untuk golongan kelainan upaya berada dalam keadaan baik.		1.80
B2.Fasiliti untuk golongan kelainan upaya yang disediakan di selenggara dengan baik oleh pihak yang bertanggungjawab.	30	1.87

B3.Fasiliti untuk golongan kelainan upaya disediakan di sekitar kampus.		2.07
B4.Fasiliti untuk golongan kelainan upaya mengikut spesifikasi yang betul dan dalam keadaan baik.	30	1.83

Jadual 5.1 Skor Min Untuk Mengetahui Fasiliti Yang Disediakan Bagi Pelajar Golongan OKU Di Kampus.

Merujuk kepada jadual 5.1, daripada garis panduan dapat serba sedikit membantu responden bahawa fasiliti perlu disediakan dengan baik bukan sahaja bagi tipikal orang atau golongan biasa malah bagi orang kelaianan upaya perlu disediakan terutama untuk institusi pengajian. Oleh itu, skor min 1.80 dari 30 responden yang telah lengkap dijawab. Sebanyak 23.3 % responden sangat setuju, 33.3 % setuju dan 3.3 % tidak pasti. Manakala tiada responden untuk skala tidak setuju dan sangat tidak setuju. Oleh yang demikian, pengkaji dapat merasakan fasiliti untuk golongan kelainan upaya berada dalam keadaan baik.

Seterusnya, sebanyak 1.87 skor min diberikan oleh responden mengenai fasiliti untuk golongan kelainan upaya yang disediakan di selenggara dengan baik oleh pihak yang bertanggungjawab. Skala setuju memberi peratusan yang tertinggi iaitu 46.7%, sangat setuju 33.3%, tidak pasti 20.0%, manakala untuk tidak setuju dan sangat tidak setuju tiada dari responden.

Bagi skor min seterusnya adalah sebanyak 2.07 daripada 30 responden mengenai fasiliti untuk golongan kelainan upaya disediakan di sekitar kampus. Skala yang tertinggi peratusnya adalah skala setuju dimana peratusnya 83.3%, manakala skala sangat setuju 6.7%, begitu juga dengan tidak pasti dengan skala peratusan 6.7%, kemudian skala tidak setuju dengan nilai 3.3% dan akhir sekali skala sangat tidak setuju tiada ada sebarang respon daripada responden.

Akhir dengan skor min sebanyak 4.26 yang diberikan oleh responden mengenai fasiliti untuk golongan kelainan upaya mengikut spesifikasi yang betul dan dalam keadaan baik. Skala yang tertinggi peratusnya adalah skala setuju dimana peratusnya 73.3%, manakala skala sangat setuju 23.3%, kemudian skala tidak pasti dengan peratusan 3.3% dan bagi skala tidak setuju dan sangat tidak setuju tiada responden.

5.4 Dapatan Kajian Objektif Kedua

Secara amnya, bahagian ini Untuk mengetahui fasiliti yang disediakan bagi pelajar golongan OKU di kampus mengikut garis panduan yang telah dinyatakan. Fasiliti-fasiliti yang disediakan di bangunan yang ada di UiTM Puncak Alam.

Pengkaji menggunakan Analisa min bagi menjawab objektif pertama kajian. Min dimaksudkan sebagai jumlah skor dalam taburan yang dibahagikan dengan jumlah skor. Apabila menggunakan analisa min, kajian ini dapat mengenalpasti keseluruhan purata yang dihasilkan daripada satu set data. Dalam soalan kaji selidik nilai purata analisa digunakan untuk memperoleh nilai bagi setiap purata data yang berkaitan fasiliti untuk golongan OKU

Untuk mengenal pasti fasiliti yang disediakan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.	N	MIN
B5. Fasiliti untuk golongan kelainan upaya disediakan dengan lengkap dan mematuhi garis panduan serta standard undang-undang.	30	2.40
B6. Fasiliti untuk golongan kelainan upaya sentiasa di pantau oleh pihak senggaraan dan pengurusan.		2.17
B7. Fasiliti seperti jalan bercondong disediakan untuk golongan kelainan upaya bagi pergerakan dari tempat tinggi dan bertangga.		2.17
B8. Fasiliti yang disediakan di kolej kediaman dapat digunakan secara mudah oleh pelajar kelainan upaya.		2.10 2.30

B9. Terdapat fasiliti kursus yang mudah diakses oleh pelajar kelainan upaya di kolej kediaman di dalam dan luar bangunan.		1.93
B10. Pelajar kelainan upaya diberikan fasiliti yang selaras pelajar lainnya.		2.40
B11. Pelajar kelainan upaya dapat melakukan aktiviti sama seperti pelajar lainnya.	30	2.10
B12. Fasiliti kegunaan bagi sistem pelajaran dan pembelajaran untuk pelajar kelainan upaya lengkap dan mudah di akses.		

Jadual 5.2 Skor Min Untuk Mengenal Pasti Fasiliti Yang Disediakan Mengikut Garis Panduan Yang Telah Ditetapkan.

Merujuk kepada jadual 5.2, daripada garis panduan dapat membantu responden bahawa untuk mengenal pasti fasiliti yang disediakan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Oleh itu, skor min 2.40 dari 30 responden yang telah lengkap dijawab. Sebanyak 50.0% responden setuju, 40.0 % tidak pasti, 6.7 % responden sangat setuju dan 3.3 % tidak setuju. Manakala tiada responden untuk skala sangat tidak setuju. Oleh yang demikian, pengkaji dapat menyatakan fasiliti untuk golongan kelainan upaya disediakan dengan lengkap dan mematuhi garis panduan serta standard undang-undang.

Seterusnya, bagi analisis data untuk objektif 2, sebanyak 2.17 skor min diberikan oleh responden untuk fasiliti untuk golongan kelainan upaya sentiasa di pantau oleh pihak senggaraan dan pengurusan. Skala setuju memberi peratusan yang tertinggi iaitu 46.7%, tidak pasti 33.3%, sangat setuju 20.0% dan 3.3% bagi skala responden untuk tidak setuju, manakala untuk sangat tidak setuju tiada dari responden.

Bagi skor min seterusnya adalah sebanyak 2.17 daripada 30 responden bagi fasiliti seperti jalan bercondong disediakan untuk golongan kelainan upaya bagi pergerakan dari tempat tinggi dan bertangga. Skala yang tertinggi peratusnya adalah skala setuju dimana peratusnya 70.0%, manakala skala tidak pasti 6.7%, begitu juga dengan sangat setuju dengan skala peratusan 10.0%, kemudian skala tidak setuju dengan nilai 6.7% dan akhir sekali skala sangat tidak setuju tiada ada sebarang respon daripada responden.

Skor min sebanyak 2.10 yang diberikan oleh responden bagi fasiliti yang disediakan di kolej kediaman dapat digunakan secara mudah oleh pelajar kelainan upaya. Skala yang tertinggi peratusnya adalah skala setuju dimana peratusnya 80.0%, manakala skala sangat setuju 6.7%, kemudian skala tidak pasti dengan peratusan 10.0% dan bagi skala tidak setuju dengan peratusan 3.3%, manakala untuk skala sangat tidak setuju tiada responden.

Selain itu, sebanyak 2.30 skor min diberikan oleh responden mengenai terdapat fasiliti kursus yang mudah diakses oleh pelajar kelainan upaya di kolej kediaman di dalam dan luar bangunan. Skala setuju memberi peratusan yang tertinggi iaitu 46.7%, sangat setuju 33.3%, tidak pasti 20.0%, manakala untuk tidak setuju dan sangat tidak setuju tiada dari responden.

Kemudian skor min seterusnya adalah sebanyak 1.93 daripada 30 responden mengenai pelajar kelainan upaya diberikan fasiliti yang selaras pelajar lainnya. Skala yang tertinggi peratusnya adalah skala setuju dimana peratusnya 63.3%, manakala skala sangat setuju 26.7%, begitu juga dengan masing-masing bagi skala responden untuk tidak pasti, tidak setuju dan sangat tidak setuju dengan peratusan 3.3%.

Disamping itu, sebanyak 2.40 skor min diberikan oleh responden untuk mengenai tentang pelajar kelainan upaya dapat melakukan aktiviti sama seperti pelajar lainnya. Skala setuju memberi peratusan yang tertinggi iaitu 50.0%, tidak pasti 30.0%, sangat setuju 10.0% begitu juga dengan skala untuk tidak setuju dengan peratusan 10.0%, manakala untuk sangat tidak setuju tiada dari responden.

Akhir sekali, untuk skor min mengenai fasiliti kegunaan bagi sistem pelajaran dan pembelajaran untuk pelajar kelainan upaya lengkap dan mudah di akses adalah

sebanyak 2.10 yang diberikan oleh responden. Peratus tertinggi bagi garis panduan ini ialah skala setuju yang memperolehi peratus sebanyak 73.3%. Seterusnya, skala tidak pasti sebanyak 13.3%. Kemudian diikuti dengan skala sangat setuju sebanyak 10.0% dan skala peratusan tidak setuju sebanyak 3.3%, manakala untuk sangat tidak setuju tidak ada responden.

Bagi objektif kedua adalah berdasarkan UBBL, MS1184 dan MS1331 bagi fasiliti golongan OKU dalam bangunan mahupun luar bangunan yang mana terdapat fasiliti serta simbol bagi tanda arah untuk golongan OKU di bangunan kampus bagi memudahkan pergerakan mereka dalam kegiatan aktiviti semasa dan di bangunan kampus mahupun di kolej kediaman. Fasiliti tidak hanya dalam bangunan tetapi juga luar bangunan perlu mengikut spesifikasi yang betul agar memudahkan pergerakan dan arah pergerakan.

MS1184 : 2002 adalah Malaysia Standard bagi pembinaan dan susun atur fasiliti dalam bangunan yang mana ianya menitikberatkan dalam bangunan untuk golongan OKU dari segi landskap, papan tanda dan simbol, kegunaan berkerusi roda dan sebagainya. Dari segi landskap ianya terdapat landskap bagi kegiatan di taman untuk aktiviti bagi golongan OKU juga landskap dalam ruang tertentu seperti pejabat, bilik kuliah dan lain-lain, yang mana susun atur perabot, kelengkapan dekorasi, percahayaan dan tempat buang sampah perlu dititikberatkan untuk golongan OKU untuk memudahkan pergerakan golongan OKU mahupun golongan normal lainnya.

Disamping itu, MS1331 : 2003 pula Malaysia Standard untuk luar bangunan yang mana melibatkan fasiliti diluar bangunan terdiri daripada tempat letak kereta, papan tanda dan simbol, laluan penjalan kaki, jalan bercondong dan banyak lagi. Dimana tempat letak kereta dalam MS1331 : 2002 adalah 12kaki-15kaki(3.7m-4.5m) x 20kaki-22kaki(6m-6.7m) untuk saiz tempat letak kereta bagi golongan OKU ini kerana golongan ini mungkin menggunakan kerusi roda, bertongkat dan sebagainya memerlukan pembukaan pintu kereta yang maksimum dan ruang yang lebih agar memudahkan golongan OKU keluar dari kereta kerana kekurangan yang mereka miliki dan menyukarkan jika saiz tempat letak kereta sama dengan kereta bagi golongan yang normal kerana saiz tempat letak kereta biasa lebih kecil dan padat berbanding tempat letak kereta untuk golongan OKU

yang mempunyai saiz yang lebih besar kerana kesukaran yang dihadapi golongan OKU ini.

Peraturan bangunan seragam atau UBBL pula standard bagi peraturan pembinaan sesebuah bangunan yang memerlukan menitikberatkan juga bagi golongan OKU untuk kelulusan penggunaan sesebuah bangunan yang mana perlu selaraskan dengan kegunaan untuk golongan OKU dalam sesebuah bangunan dan perlu ditambahbaik agar dapat digunakan oleh golongan OKU bukan sahaja golongan normal sahaja.

5.5 Dapatan Kajian Objektif Ketiga

5.5.1 Analisa data bagi Soalan Berstruktur Kajian Soalan Selidik.

Dapatan kajian ini dibuat untuk membantu meningkatkan tahap fasiliti bagi golongan / pelajar OKU agar dapat menggunakan fasiliti di institusi pengajian tinggi selaras dengan pelajar normal lainnya. Dimana objektif ketiga adalah menambahbaik fasiliti bangunan supaya mengikut Akta yang telah ditetapkan bagi golongan orang kelainan upaya. Antara kaedah yang digunakan bagi mendapatkan data untuk objektif ketiga ini pengkaji menggunakan kaedah kajian soalan selidik secara soalan berstruktur. Malahan cadangan dan pendapat responden juga diambil kira dalam pengumpulan data ini bagi menyokong hasil dapatan kajian.

SOALAN	ULASAN
<p>C1 : Adakah kemudahan yang disediakan mudah untuk diakses oleh pelajar kelainan upaya?</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mudah tapi tidak semua tempat dapat diakses sekirang lebih lengkap lagi memudahkan golongan OKU untuk mengakses • Ada beberapa tempat yang tidak dapat diakses oleh pelajar OKU • Tiada kemudahan asas OKU, terutamanya di perhentian bas. Perjalanan ke kolej kediaman berbukit begitu juga perjalanan ke kelas atau Kawasan kampus.
<p>C2 : Bagaimanakah pergerakan pelajar kelainan upaya di untuk ke kelas dan kawasan sekitar kampus?</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pergerakan perjalanan di kawasan sekitar kampus yang sama dengan pelajar lainnya.

	<ul style="list-style-type: none"> • Lebih memudahkan jika mempunyai kenderaan sendiri atau kenderaan kursus bagi pergerakan dalam kampus jika tidak mereka perlu menunggu grap iaitu perkhidmatan kereta sewa yang dijalankan oleh pelajar untuk membawa ke destinasi. • Menggunakan jalan yang sama dengan pelajar lain kerana mudah untuk di tolong oleh orang lain dan lebih mudah untuk dikendalikan.
<p>C3 :Adakah di kolej kediaman mempunyai laluan kursus bagi pelajar kelainana upaya?</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Terdapat lift di setiap bangunan. • Terdapat juga ramp tapi tidak semua tempat mempunyai ramp hanya beberapa tempat tertentu sahaja mempunyai ramp selebihnya tidak ada ramp. • Kurang laluan kursus untuk pelajar OKU dalam perkiraan 1 per 20 kawasan yang ada laluan kursus bagi pelajar OKU selebihnya memerlukan pertolongan untuk bergerak.

Jadual 5.3 Menambahbaik Fasiliti Bangunan Supaya Mengikut Akta Yang Telah Ditetapkan Bagi Golongan Orang Kelainan Upaya Untuk Kampus UiTM Puncak Alam

Berdasarkan jadual 5.3 bagi penambahbaik fasiliti untuk golongan OKU di bangunan di kampus UiTM Puncak Alam agar fasiliti bagi OKU dapat digunakan dan mempunyai keselesaan yang sama dengan fasiliti bagi student lainnya. Dimana setiap pelajar sama ada normal mahupun OKU selayaknya mendapatkan fasiliti yang selesa, selamat dan selaras pelajar lainnya. Selain itu juga daripada 30 responden untuk ulasan bagi objektif 3 dapat menambahbaikkan fasiliti yang sedia ada bagi golongan OKU agar lebih efektif bagi pelajar.

Untuk persoalan pertama dimana berkaitan dengan kemudahan yang mudah diakses boleh oleh pelajar OKU tetapi tidak semua tempat dapat diakses oleh pelajar / golongan OKU yang mana dapat diakses oleh pelajar normal lainnya ini menjadikan pelajar OKU tidak dapat melakukan aktiviti dengan bebas dan tidak efisien kerana kekangan bagi mengakses kemudahan untuk aktiviti yang akan dilakukan oleh pelajar terutama bagi pelajar OKU.

Bagi persoalan kedua mengenai pergerakan dan perjalanan pelajar OKU dalam kampus sama ada dalam bangunan dan luar bangunan sekitar kampus terhad kerana mempunyai laluan yang sama dengan pelajar normal lainnya dan boleh menyebabkan pelajar OKU perlu memerhatikan pergerakan mereka dimana membuat pergerakan pelajar OKU terpaksa meminimumkan ruang untuk pergerakan.

Terakhir persoalan berkaitan dengan kolej kediaman mempunyai laluan kursus bagi pelajar OKU adakah disediakan selain lift. Manakala hanya lift kemudahan yang disediakan dikolej kediaman bagi jalan bercondong hanya terdapat satu sahaja untuk laluan bagi pergerakan pelajar malah bukan setiap kolej kediaman yang mempunyai laluan bercondong dan terdapat juga di kawasan kolej kediaman serta kawasan bangunan kampus yang lain tidak mempunyai laluan kursus untuk pelajar OKU.

5.6 Rumusan Bab

Secara keseluruhan, hasil kajian yang diperolehi melalui instrumen soal selidik telah pun dianalisis dan diterangkan di dalam bab ini. Kesemua data soal selidik telah dikumpul dan dimasukkan ke dalam sistem IBM SPSS. Oleh yang demikian, pengkaji telah pun memperolehi jawapan bagi ketiga-tiga objektif yang telah dinyatakan dalam bab satu (1). Oleh itu, hasil yang diperolehi bagi menilai tahap fasiliti orang kelainan upaya (OKU) yang disediakan di Universiti Teknologi Mara Kampus Shah Alam

BAB 6

KESIMPULAN

6.1 Pengenalan

Bab ini akan menerangkan hasil penemuan kajian dan seterusnya membina kesimpulan berkenaan dengan kajian ini. Bab ini juga merupakan bab yang terakhir untuk kajian ini. Penyelidik akan menyatakan kesemua hasil dapatan kajian untuk mencapai ketiga-tiga objektif kajian yang telah ditetapkan oleh penyelidik. Oleh yang demikian bab terakhir ini akan menerangkan secara ringkas mengenai dapatan bagi persoalan kajian, implikasi kajian, limitasi dan akhir sekali rumusan dan cadangan penambahbaikan bagi rujukan di masa hadapan.

6.2 Ringkasan Dapatan Bagi Persoalan Kajian

Kajian ini dilakukan untuk menilai tahap fasiliti orang kelainan upaya (OKU) yang disediakan di University Teknologi Mara Kampus Shah Alam yang kajian dilaksanakan di UiTM Puncak Alam sebagai skop kajian yang dilaksanakan bagi mencapai objektif kajian yang terlaksanakan. Selain itu, memastikan bagi tujuan yang dilaksanakan bagi kajian yang dilakukan.

6.2.1 Persoalan Kajian Pertama

Hasil dapat daripada persoalan kajian pertama iaitu adakah terdapat fasiliti bagi golongan/ pelajar OKU yang disediakan dikampus di Kompleks Alam Bina dan Kompleks At-tijarah Kampus UiTM Puncak Alam. Manakalan terdiri objektif pertama bagi hasil dapat persoalan kajian pertama yang mana untuk mengetahui fasiliti yang disediakan bagi pelajar golongan OKU di kampus.

6.2.1.1 Adakah Terdapat Fasiliti Bagi Golongan/ Pelajar OKU Yang Disediakan Dikampus

Daripada dapatan hasil kajian yang dilakukan dengan skala objektif secara soal selidik untuk menjawab objektif kajian yang dilaksanakan bagi persoalan kajian dapat menyatakan bahawa masih terdapat beberapa kawasan yang tidak menyediakan fasiliti bagi pelajar / golongan OKU di kampus UiTM Puncak Alam. Malahan dimana untuk memastikan fasiliti yang disediakan untuk golongan OKU disenggara dengan baik oleh pihak yang bertanggungjawab untuk menyelenggara semua kapasiti fasiliti yang terdapat di bangunan UiTM Puncak Alam.

Selain itu, menjawab bagi persoalan kajian pertama dan juga objektif dimana fasiliti yang disediakan untuk golongan OKU disediakan disekitar kampus bagi kemudahan dan kegunaan bagi golongan OKU seperti mana fasiliti bagi pelajar normal lainnya. Manakala memastikan fasiliti yang disediakan mengikut spekfikasi yang telah ditetapkan oleh peraturan dan garis panduan yang telah dirujuk bagi pembinaan bangunan untuk kegunaan golongan OKU.

6.2.2 Persoalan Kajian Kedua

Bagi hasil kajian untuk persoalan kajian kedua melibatkan garis panduan yang telah ditetapkan seperti dalam undang-undang bangunan seragam (UBBL) yang mana setiap bangunan perlu ada kemudahan dan spesifikasi bagi golongan OKU. Disamping itu, merujuk juga pada Malaysia standard MS1184:2002 dan MS1331:2003 bagi pembinaan kemudahan kegunaan golongan OKU didalam dan diluar bangunan.

6.2.2.1 Sejauh Mana Fasiliti Yang Disediakan Itu Mengikut Peraturan (UBBL Dan MS 1131 &1184) Yang Ditetapkan?

Bagi persoalan kajian yang kedua menyatakan fasiliti bagi mengikut spesifikasi UBBL berkaitan dengan golongan OKU yang mana setiap bangunan perlu mematuhi peraturan yang telah digariskan oleh UBBL dalam pembinaan bagi fasiliti untuk OKU yang mana ianya mudah dan selesa bagi kegunaan OKU semasa terutama di bangunan di UiTM Puncak Alam. Selain itu juga memastikan fasiliti yang disenggara oleh pihak bertanggungjawab seperti garis panduan dalam UBBL bagi kemudahan golongan OKU.

Untuk fasiliti luar bangunan seperti mana yang dinyatakan dalam MS1184:2002 adalah Malaysia standard bagi golongan OKU untuk fasiliti dalam bangunan yang mana fasiliti dalam bangunan yang perlu dititik berat untuk golongan OKU adalah pintu masuk yang mana mudah untuk diakses bagi golongan OKU yang berkerusi roda, bertongkat dan yang tidak kuat supaya mudah untuk diakses oleh golongan OKU. Selain itu, tangga yang mesra untuk OKU seperti yang mempunyai pegangan tanagn bagi setiap tangga dan langkah tangga yang tidak terlalu tinggi dan sempit malah fasiliti bagi golongan OKU dalam bangunan juga jalan bercondong untuk memudahkan golongan OKU untuk bergerak dan selesa untuk kegiatan bagi golongan OKU.

Bagi MS1331:2003 pula untuk spesifikasi fasiliti bagi luar bangunan untuk golongan OKU yang akan digunakan oleh pengguna yang terdiri daripada golongan OKU seperti kemudahan tempat letak kereta yang mana untuk tempat letak kereta biasa digunakan oleh orang-orang tidak bertanggungjawab dan juga perpetakkan tempat letak kereta juga kadang tidak mengikut garis yang telah ditetapkan yang mana saiz untuk tempat letak kereta iaitu 3.7m-4.5m x 6m-6.7m bagi tempat letak kereta untuk golongan OKU yang

mana ianya memudahkan golongan OKU untuk keluar dari kenderaan. Disamping itu, MS1331:2003 juga menyatakan fasiliti luar bangunan berkaitan dengan akses bagi tempat perhentian bas, untuk memasuki bas, tempat persinggahan dan stesen terminal bagi kegunaan golongan OKU untuk memudahkan pergerakan. Wacana, papan tanda dan juga symbol untuk memudahkan pergerakan golongan OKU dengan papan tanda dan symbol yang memberikan petanda arah untuk golongan OKU untuk pergerakan yang lancar dan memudahkan pergerakan golongan OKU.

6.2.3 Persoalan Kajian Ketiga

Bagi dapat hasil untuk persoalan kajian ketiga melibatkan Akta Orang Kelainan Upaya(OKU) 2008 (Akta 685) yang menyatakan kemudahan yang selaras bagi golongan OKU sama seperti golongan normal lainnya agar tidak ada sebarang jurang bagi golongan OKU untuk mendapat pendidikan yang seragam dan sejajar dengan golongan yang lain dan golongan OKU juga mendapat peluang untuk melanjutkan pendidikan pada peringkat yang lebih tinggi.

6.2.3.1 Bolehkah Pihak Institusi Menyediakan Fasiliti Bagi Golongan OKU Sepertimana Yang Terdapat Dalam Akta OKU 2008?

Bagi persoalan kajian objektif ketiga mencadangkan penambahbaikan fasiliti di bangunan UiTM Puncak Alam mengikut garis panduan yang telah dinyatakan dalam Akta OKU 2008 (Akta 685) yang mana dalam Akta OKU 2008 menyatakan kemudahan, pendidikan dan keselesaan yang sama rata untuk golongan OKU agar mereka tidak merasa terencil dalam meraih kejayaan dalam pendidikan, bergerak bebas dan dapat mengakses kemudahan yang disediakan di kawasan pendidikan institusi pendidikan dan juga kawasan terbuka di dalam sekitar UiTM Puncak Alam. Manakala dalam Akta OKU 2008 juga menyatakan setiap golongan OKU juga perlu diberikan fasiliti yang selesa, selamat dan nyaman mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Akta OKU 2008 agar golongan ini juga dapat mendapat kesamarataan bagi fasiliti yang disediakan dan mendapat keuntungan dan kesenangan yang sama bagi mereka untuk kegiatan harian dan selesa dalam mendapatkan pendidikan semasa.

6.3 Implikasi Kajian

Bagi implikasi kajian adalah dapat menambah baik fasiliti yang sedia ada di bangunan UiTM Puncak Alam yang mana data kajian yang didapati membolehkan penambahbaikan untuk fasiliti golongan OKU malah dapat membuat kebaikan dikawasan yang sukar untuk diakses oleh golongan OKU supaya mereka juga dapat mengakses kemudahan yang ada di UiTM Puncak Alam tidak hanya di luar bangunan tapi juga dalam bangunan manakala juga landskap bagi golongan OKU.

Oleh itu, beberapa cadangan telah dibincangkan serta dapat dikongsikan dengan isu-isu yang telah dijumpai sepanjang pengkaji menjalankan kajian ini. Walaubagaimanapun, pengkaji berharap cadangan penambahbaikan yang dikemukakan tersebut dapat difokuskan dan boleh dijadikan rujukan kepada semua yang bertanggungjawab di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) terutama di UiTM Puncak Alam.

6.4 Limitasi Kajian

Kesimpulan bagi kajian ini adalah diambil kira beberapa kajian. Antara limitasi yang telah dihadapi oleh pengkaji sewaktu membuat kajian ini adalah dari segi penukaran skop kajian pada saat akhir. Hal ini kerana disebabkan berlakunya pandemik Covid 19 yang menyukarkan pengkaji untuk mendapatkan dan mengumpulkan data-data yang berkaitan dengan tajuk kajian daripada pihak pentadbiran dan pelajar untuk dapatkan data bagi kajian yang dilakukan. Oleh yang demikian, pengkaji memilih skop kajian didalam UiTM Puncak Alam untuk mendapatkan data daripada di dalam kampus sahaja bukan di luar kampus. Dimana pada awalnya untuk mengumpul data daripada UiTM Kampus Puncak Perdana dan Kampus Puncak Alam akan tetapi kekangan pandemic covid-19 menyukarkan pergerakan dan terbatas hanya dapat mendapat data daripada UiTM Puncak Alam.

Selain itu, antara limitasi yang dhadapi oleh pengkaji adalah seperti lewat untuk memdapatkan maklumbalas dari pihak responden apabila soalan kaji selidik diedarkan secara atas talian. Oleh itu, pengkaji perlu menambah sedikit masa daripada sebelum ini untuk menganalisa dari tempoh masa yang telah ditetapkan.

Akhirul kalam, masalah tersebut dapat ditangani oleh pengkaji secara professional. Kesungguhan bantuan pihak yang terlibat dan Kerjasama bagi menjayakan kajian pengkaji bagi melengkapkan sample kajian yang telah ditetapkan serta dapat mengurangkan beban kepada pengkaji. Oleh yang demikian, pengkaji telahpun berjaya mencapai matlamat dan objektif yang telah ditetapkan.

6.5 Cadangan Dan Skop Kajian Lanjutan

Kajian ini difokuskan untuk menilai fasiliti bagi pelajar / golongan OKU untuk institusi pengajian tinggi yang mana masih lagi kekurangan dalam menyediakan fasiliti bagi golongan OKU ini dari segi aspek material mahupun pendidikan yang mana seperti yang diketahui tidak semua memiliki kesempurnaan fizikal, mental dan intelektual dalam menjalani kehidupan harian malah masih terdapat golongan yang kurang bernasib baik dalam menutup ilmu kerana kekurangan yang dimiliki dan kekangan pergerakan serta fasiliti yang tidak lengkap. Secara umumnya, sebelum diperkenalkan Akta OKU 2008 golongan OKU ini tidak dapat menimba ilmu kerana tahap fasiliti yang tidak baik dan pendedahan tentang golongan OKU dan pengetahuan dalam penyediaan fasiliti serta bahan pendidikan yang betul bagi golongan OKU dengan peraturan dan piawaian MS 1184 dan MS 1331 serta UBBL bagi fasiliti OKU dapat ditambahbaikkan untuk memastikan semua golongan mendapat keistimewaan yang sama untuk menimba ilmu sama ada sempurna fizikal mahupun mempunyai kelainan upaya.

Tuntasnya, semua pihak institusi pengajian tinggi dapat menambahbaik fasiliti di institusi pengajian masing-masing berdasarkan MS1184, MS1331 dan UBBL bagi golongan OKU agar semua dapat melakukan aktiviti dan menerima ilmu dengan kesesamaan dalam kemudahan dan bahan pendidikan berdasarkan Akta OKU 2008 yang mana untuk mensejahteraan golongan orang kelainan upaya dalam mencapai cita-cita dan impian setara dengan golongan normal lainnya.

6.6 Kesimpulan

Hasil kajian mendapati tahap fasiliti orang kelainan upaya (OKU) yang disediakan di Universiti Teknologi Mara Kampus Shah Alam masih berada pada tahap yang memuaskan dan masih terdapat beberapa kekurangan yang perlu ditambahbaik baik dari segi fasiliti di dalam bangunan mahupun diluar bangunan yang mana terdapat kekurangan dan ketinggalan dalam fasiliti yang terdapat dalam MS1184 dan MS1331 yang dapat diperbaiki dan di senggaraan dengan baik. Selain itu, masih ada pendedahan yang perlu dilakukan untuk pelajar bagi pengetahuan untuk golongan OKU yang mana ianya bukan hanya terdapat pelajar atau golongan OKU yang kekal tetapi yang kekelainan upaya yang sementara yang perlu menggunakan fasiliti OKU di kampus bagi memudahkan pergerakan semasa berada dikampus dan perlu dititikberakkan oleh pihak institusi dan pihak senggaraan bagi memastikan fasiliti yang disediakan sentiasa berada dalam keadaan yang baik. Tetapi bukan yang di kampus UiTM kampus Shah Alam sahaja malah seluruh institusi pengajian tinggi awam mashupun swasta perlu menambahbaik fasiliti OKU mengikut UBBL, MS1184 dan MS1331 untuk golongan OKU agar ianya dapat kesamaan dalam garis panduan fasiliti pada masa akan datang tanpa sebarang intimidasi terhadap golongan OKU agar untuk Berjaya.

Rujukan

- Arifah,N. (2012). PENYEDIAAN FASILITI OKU DI SEKOLAH MENENGAH PENDIDIKAN KHAS VOKASIONAL INDAH PURA.
- Azizi, A. A., Rabun, M. N., & Badarin, N. A. (2018). Are We Disabled among The Disabled?: Disability Awareness Among University of Malaya Students. *Journal of Administrative Science*.
- Bedford, K. M. (2017). *Childhood Dizability In Malaysia A Study Of Knowledge, Attitudes and Practices*. Kuala Lumpur: UNICEF Malaysia.
- Buyung, M. R., & Shafii, H. (2015). Kolej Kediaman Lestari: Penelitian Kemudahan Golongan Orang Kurang Upaya (OKU).
- H.Kamarudin, N.R.Muhamad Ariff, W.Z.Wan Ismail, A.F.Bakri, & Z.Ithnin. (2014). Malaysian Scenario on Access and Facilities for Persons with Disabilities: A literature review.
- Harun, M. F., Hamid, M. F., Salleh, L. M., Zainal, N. D., Ahmad, N., Aznan, N., . . . Zakirai@Zakaria, N. S. (2019). Knowledge and Awareness of PWD's Facilities: A Case Study at Universiti Teknologi Malaysia. *Proceedings of the International Conference on Student and Disable Student Development 2019*.
- Hashim, A. E., Ismail, F., Akida, M., Isnin, Z., Natasha, K., & Rahim, M. A. (2011). DISABLED FACILITIES IN SHOPPING MALLS: MALAYSIAN PERSPECTIVE. *Business & Management Quarterly Review*.
- Hussain, M. R., Tukiman, I., Zaidin, N., & Shahli, F. M. (2015). CAMPUS LANDSCAPE ENVIRONMENT FOR STUDENT WITH DISABILITIES: A CASE OF INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA (IIUM), GOMBAK CAMPUS.

- Hussein, H., & Yaacob, N. M. (2012). Development of Accessible Design in Malaysia . *AicE-Bs 2012 Cairo ASIA Pacific International Conference on Environment-Behaviour Studies Mercure Le Sphinx Cairo Hotel, Giza, Egypt, 31 October 2 November 2012.*
- Isa, H. M., Zanol, H., Alauddin, K., & Nawi, M. H. (2016). Provisions of Disabled Facilities at The Malaysian Public Transport Stations.
- Jamaludin, M., & Kadir, S. A. (2015). Accessibility in Buildings of Tourist Attraction: A case studies comparison.
- Kadir, S. A., & Jamaludin, M. (2012). Users' Satisfaction and Perception on Accessibility of Public Buildings in Putrajaya: Access Audit Study
- Malaysia, K. P. (2019). *PELAKSANAAN DASAR INKLUSIF ORANG KURANG UPAYA DI INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI.* Kuala Lumpur: Menteri Pendidikan Malaysia.
- Moore, K., & Bedford, J. (2017). *Childhood disability in Malaysia A Study of Knowledge, Attitudes and Practices.* Kuala Lumpur: UNICEF Malaysia.
- Nasir, M. N., & Efendi, A. N. (2016). Special education for children with disabilities in Malaysia: Progress and obstacles. *GEOGRAFIA Online Malaysian Journal of Society and Space.*
- Osman, M. M., Radzi, F. H., Bakri, N. I., & Ibrahim, M. (2015). Barrier-Free Campus: University Malaya, Kuala Lumpur. *Asia Pacific International Conference on Environment-Behaviour Studies Sirius Business Park Berlin-yard field, Berlin.*
- Rahim, A. A., & Abd.Samad, N. A. (2010). Accessible Built Environment for the Elderly and Disabled in Malaysia: Hotels as Case Studies. *Journal of Construction in Developing Countries.*
- Rosli, H. F., & Sabri, S. A. (2017). ALANGAN FASILITI PELAJAR ORANG KURANG UPAYA (OKU) DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DI LEMBAH KLANG. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderl And Disabled.*

Rosli, H. F., Mahmud, W. A., & Mahbob, M. H. (2019). REALITI PENERIMAAN MASYARAKAT TERHADAP ORANG KELAINAN UPAYA (OKU) DI MALAYSIA DARI PERSPEKTIF MEDIA. *Proceedings - The International Conference On Media And Communication*.

Sanmargaraja, S., & Wee, S. T. (2015). Challenges Faced by the Disabled People while Travelling in the Malaysian National Parks.

Siew, W. H., & Sebestian, S. (2002). Pendidikan Bagi Komuniti Orang Kurang Upaya Penglihatan di Malaysia: Satu Analisis daripada Perspektif Sejarah.

Talib, Y. A., Ghani, N. I., Ismail, K., & Salleh, N. (2016). The Provision of the Disabled Facilities in Public Hospitals.

Tambi, N., & Hazan, N. A. (2017). HUBUNGAN ANTARA PENGETAHUAN DAN SIKAP MAHASISWA UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA TERHADAP GOLONGAN ORANG KURANG UPAYA. *Journal of Social Sciences and Humanities*.